

71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
 [TANGGA BATU]

SOALAN : YB DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
 [TANGGA BATU] minta MENTERI LUAR  
 NEGERI menyatakan apakah tindakan susulan  
 Kementerian selepas beberapa Ahli Parlimen  
 Australia menyerahkan memorandum kepada  
 Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia  
 terhadap perbicaraan kes ketua pembangkang.

## **JAWAPAN:**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tangga Batu di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kerajaan sedia maklum bahawa perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim seperti perbicaraan beliau sebelum ini akan menarik perhatian pelbagai pihak sama ada di dalam atau di luar negara. Oleh yang demikian, reaksi dari sekumpulan Ahli Parlimen Australia dalam perkara ini bukanlah satu perkara di luar jangkaan. Oleh yang demikian, Kerajaan bertanggungjawab memberi penjelasan sewajarnya kepada mereka bagi mempertahankan kedaulatan negara dan keluhuran undang-undang kita.

3. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan bahawa, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia telah menemui Ahli Parlimen yang berkenaan untuk memberi penjelasan kepada beliau mengenai fakta-fakta sebenar tentang kes mahkamah Dato' Seri Anwar Ibrahim. Seperti kita maklum, Ahli Parlimen tersebut dilaporkan telah menyentuh perkara ini dalam ucapan beliau dalam Parlimen Australia.

4. Sebagai tindakan selanjutnya, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia telah juga menulis surat kepada 50 ahli parlimen yang tersenarai dalam surat yang diutuskan kepada beliau bagi memperjelaskan kedudukan sebenar berhubung perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

5. Selain daripada itu, satu kenyataan akhbar telah dikeluarkan oleh Menteri Luar Negeri pada 12 Februari 2010 untuk menyangkal dakwaan ahli Parlimen Australia dan menasihati mereka supaya menghormati keluhuran undang-undang Malaysia yang mengutamakan keadilan dan hak rakyat tanpa mengira pangkat dan darjat.

6. Harus dijelaskan bahawa pandangan yang disampaikan oleh beberapa Ahli Parlimen Australia tidak mewakili atau mencerminkan pendirian Kerajaan Australia yang sememangnya tidak ingin campur tangan dalam hal-ehwal dalaman di Malaysia seperti yang dijelaskan oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia di Malaysia.

7. Pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Australia dan semua Perwakilan Malaysia di luar negeri akan terus memantau perkembangan laporan dan pandangan berhubung perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan akan memberikan penjelasan di mana timbul keperluan.

Sekian, terima kasih

NI: 59

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATUK IR HAJI IDRIS  
BIN HAJI HARON  
(TANGGA BATU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang menambah kekuatan anggota tentera di Kem Terendak dan apakah rancangan Kerajaan seterusnya untuk Kem Latihan Komando di Sungal Udang, Melaka.**

JAWAPAN:

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang menambah kekuatan anggota tentera di Kem Terendak kerana jumlah anggota sedia ada berupaya dan mampu melakukan tugas ketenteraan yang dipertanggungjawabkan.

Kem Latihan Komando di Sungai Udang, Melaka mempunyai bangunan-bangunan uzur dan daif yang memerlukan kos senggaraan yang tinggi. Selain itu kemudahan latihan sedia ada agak terhad dan tidak bersesuaian dengan keperluan semasa penugasan. Kerajaan telah merancang untuk membina sebuah kem baru yang lengkap dengan infrastruktur dan pelbagai kemudahan latihan untuk Pusat Latihan Komando di Kem Iskandar, Mersing.

Soalan No: 60

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL HAJI  
ABD. MUTTALIB (MARAN)**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan memandangkan Program Bantuan Rumah (PBR) dan Baik Pulih (BP) rumah penduduk miskin luar Bandar didapati memberi manfaat kepada penerima-penerimanya. Apakah Kementerian berhasrat untuk meneruskan program berkenaan serta jumlah program yang dicadangkan.

Program Bantuan Rumah (PBR) akan diteruskan pelaksanaannya selaras dengan usaha Kerajaan untuk menyediakan rumah yang selamat dan selesa demi mempertingkatkan taraf hidup kumpulan sasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah berdasarkan kepada sasaran yang telah ditetapkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Areas – NKRA). Sepanjang tempoh tersebut, sejumlah RM1.32 bilion diperuntukkan bagi melaksanakan sejumlah 50,000 unit rumah di seluruh negara. Bagi tahun ini sahaja, sejumlah RM401.0 juta telah diperuntukkan bagi membina baru dan membaik pulih kira-kira 16,000 buah rumah di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.  
MUTTALIB ( MARAN )**

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**TARIKH** : **16.03.2010 – 15.04.2010**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib ( Maran )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berdasarkan kepada sambutan begitu menggalakkan terhadap usaha Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) membina Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi merealisasikan impian penduduk memiliki rumah sendiri. Apakah pihak Kementerian berhasrat menambah Kuota Kelulusan melebihi Kuota asal di setiap kawasan Parlimen dan apakah Kerajaan mempunyai peruntukan yang mencukupi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan mengambil perhatian terhadap sambutan yang menggalakkan bagi projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) di seluruh negara. Pada masa ini jumlah unit RMR bagi setiap Parlimen ditentukan berasaskan kepada kedudukan kewangan Kerajaan dan keperluan semasa. Sehubungan

ini, lebih banyak RMR akan dibina di seluruh negara sekiranya terdapat keperluan dan peruntukan mencukupi.

SOALAN NO : 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : BERTULIS  
**DARIPADA** : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.  
MUTTALIB [MARAN]  
**SOALAN** :

**DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemudahan perhubungan awam seperti jalan raya diperakukan mampu menjadi tarikan utama untuk merencanakan pembangunan sesebuah bandar seperti di Bandar Maran sendiri. Apakah pihak Kementerian telah merancang membina jalan raya baru bagi menghubungkan Gugusan Felda Lepar Utara ke Bandar Maran dalam masa terdekat ini.

## JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, pengguna-pengguna jalan raya menggunakan jalan sedia ada di Jalan Persekutuan Maran – Jerantut (FT 64) untuk ke bandar Maran dan Jerantut. Gugusan Felda Lepar Utara pula terletak di antara bandar Maran dengan Jerantut. Jalan masuk ke Felda ini adalah dari Jalan Persekutuan Maran – Jerantut (FT 64) sepanjang 50 kilometer. Berdasarkan kepada banci lalu lintas di jalan ini, isipadu trafik adalah rendah iaitu 8,500 kenderaan sehari. Dalam keadaan ini trafik berjalan dengan lancar dan dikategorikan dalam tahap perkhidmatan A (*Level Of Service A*).

Kerajaan telah merancang pelan pembangunan rangkaian jalan raya di seluruh Semenanjung Malaysia dengan mengambil kira faktor trafik, guna tanah, sosio-ekonomi dan keselamatan kepada pengguna jalan raya. Berdasarkan kepada pelan pembangunan tersebut, Kerajaan pada masa ini tiada perancangan untuk membina jalan dari Gugusan Felda Lepar Utara ke Bandar Maran memandangkan pada masa ini, jalan sedia ada boleh menampung isipadu trafik.

NO: 63

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HJ. ISMAIL B. HJ. ABD. MUTTALIB**  
**KAWASAN : MARAN**  
**TARIKH :**  
**NO. SOALAN : 63**

**Y.B. DATO' HJ. ISMAIL B. HJ. ABD. MUTTALIB** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagi merencanakan perkembangan dan pembangunan Bandar Maran seiring dengan lain-lain bandar di negeri Pahang yang menjadi harapan kepada Allahyarham Perdana Menteri Kedua YAB Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein ketika melancarkannya dahulu. Apakah perancangan pihak Kementerian membangunkan kawasan industri yang disediakan dalam Daerah Maran.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Pelaksanaan dasar perindustrian negeri bertujuan untuk memperluaskan asas perindustrian dengan tumpuan kepada pertumbuhan beberapa industri utama dan sokongan berasaskan 'comparative advantages', dengan izin. Penekanan diberikan kepada pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi membantu mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Di samping itu, pembangunan kawasan perindustrian juga dilaksanakan seiring dengan pembangunan sektor sokongan lain seperti infrastruktur dan utiliti.

Bagi membangunkan kawasan industri di Daerah Maran, Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) sebagai Pusat Sehenti atau "One-Stop Centre", dengan izin, bagi menyelaras dan membangunkan kawasan-kawasan perindustrian, lengkap dengan kemudahan infrastruktur serta perkhidmatan sokongan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelabur ke arah

menjadikan Pahang sebagai pilihan utama destinasi pelaburan.

Setakat ini, dua kawasan perindustrian telah dibangunkan di Daerah Maran iaitu:

- Kawasan Perindustrian Maran; dan
- Kawasan Perindustrian Jengka.

Sebanyak tiga buah syarikat telah diluluskan untuk menempatkan projek di Kawasan Perindustrian Jengka. Di samping itu, satu lagi kawasan perindustrian baru dijangka akan diwujudkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Tuan Yang di Pertua,

Bagi membantu pembangunan perindustrian di Daerah Maran, Kementerian ini melalui agensi di bawahnya seperti SME Corp., SME Bank dan MIDF menawarkan program pembiayaan kepada PKS di daerah Maran yang berkecimpung di dalam sektor perkiangan dan perkhidmatan dan layak mengikut kriteria-kriteria dana yang ditawarkan.

Program pembiayaan yang ditawarkan tidak memfokus kepada sesuatu kawasan tertentu sahaja tetapi bersifat umum dan disalurkan kepada semua usahawan PKS di seluruh negara.

Sehingga kini, pihak SME Bank telah menyalurkan kemudahan pembiayaan sebanyak RM3.2 juta kepada 4 pelanggan yang beroperasi di daerah tersebut mengikut pecahan sektor berikut:

- pengangkutan sebanyak RM2.2 juta;
- pembungkusan dan pembekalan sebanyak RM0.9 juta;
- dan
- fabrikasi kejuruteraan sebanyak RM0.1 juta.

Usahawan di daerah Maran dialu-alukan untuk mendapatkan bantuan dana yang disediakan dengan berhubung secara terus dengan wakil-wakil agensi yang terdekat.

✓

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB**  
**[ MARAN ]**

**SOALAN**

**Y.B. Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adalah diperakukan Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan oleh Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad beroleh kejayaan besar untuk faedah kedua-dua negara Malaysia dan Jepun. Apakah Kerajaan berhasrat untuk meluaskan dasar berkenaan ke negara lain seperti China.

**JAWAPAN**

Pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur yang telah diperkenalkan semenjak tahun 1982 oleh Perdana Menteri ke 4 Malaysia telah banyak memberi manfaat kepada negara dalam pembangunan modal insan. Sehingga tahun 2009, seramai **15,035 pelajar** (12324; Jepun dan 2711; Korea) telah dihantar ke Jepun dan Korea Selatan di bawah tajaan Kerajaan Malaysia bagi mengikuti kursus-kursus terpilih dalam bidang teknologi dan kejuruteraan. Graduan-graduan dari program Dasar Pandang ke Timur juga telah menjadi tonggak kepada tenaga professional yang diperlukan oleh syarikat-syarikat "*Multi National Corporation (MNC)*" yang menjadi pelabur-pelabur asing utama, khususnya syarikat-syarikat Jepun. Dasar ini juga telah mengeratkan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Jepun di mana

semasa krisis ekonomi Malaysia pada tahun 1998, bantuan Jepun melalui pelan pemulihan ekonomi (*Miyazawa Initiative*) turut meliputi pinjaman untuk meneruskan Program Dasar Pandang ke Timur.

Walaupun kuasa ekonomi kini dilihat berpaksi kepada China, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk merangka satu dasar atau kerjasama khas seperti Dasar Pandang ke Timur dengan Negara China. Namun, di bawah Kerjasama Teknikal di kalangan Negara-negara Sedang Membangun (*Technical Cooperation among Developing Countries – TCDC*), Kerajaan Malaysia telah dan sedang menghantar pegawai kerajaan untuk menerima latihan di dalam pelbagai bidang strategik dengan Negara China. Bagi tempoh 2001 – 2009, seramai 150 pegawai kerajaan Malaysia telah mengikuti latihan di China dalam pelbagai bidang seperti Pertanian, Ekonomi dan Perdagangan, Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Teknologi Makanan, Bio Teknologi, Alam Sekitar dan Tenaga.”

NO. SOALAN: 65

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2010)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' HAJI ISMIAL BIN MOHAMED SAID (KUALA KRAU)**

**SOALAN**

**Y.B DATO' HAJI ISMIAL BIN MOHAMED SAID (KUALA KRAU)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam mengatasi masalah lambakan sijil halal palsu yang tidak diperakui oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menjejaskan kredibiliti Malaysia untuk muncul sebagai pembekal produk halal dan hab halal terkemuka di rantau ini.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sedang dalam proses mewujudkan satu akta khas iaitu "Akta Halal" bagi membendung lambakan logo dan sijil halal palsu sebagaimana yang disebut oleh Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan 2010 pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua yang lalu.

Sekian, terima kasih

**SOALAN NO. ( 66 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN  
HAJI MOHAMED SAID  
(KUALA KRAU)**

**SOALAN :**

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang meminda Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Perlesenan) 1966 (Akta 118) bagi menangani isu projek perumahan terbengkalai termasuk kajian semula pembayaran progresif pembelian rumah.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang dalam proses meminda beberapa peruntukan seksyen dan peraturan-peraturan berkaitan dalam Akta 118 termasuk jadual pembayaran progresif pembelian rumah bagi menjaga kepentingan-kepentingan pembeli-pembeli rumah serta

memantapkan lagi tindakan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pemaju-pemaju perumahan berlesen. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KPKT dalam menangani projek-projek perumahan swasta terbengkalai adalah seperti berikut :-

- (i) Menyelaras pemuliharaan bagi kesemua projek perumahan terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (ii) Bagi mempercepatkan pemuliharaan projek-projek perumahan terbengkalai terutamanya kos rendah dan kos sederhana, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan dana RM200 juta di bawah Bajet 2010 bagi menampung kos tambahan pemuliharaan projek-projek tersebut.
- (iii) Kerajaan Persekutuan juga menyediakan dana melalui peruntukan khas dan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) kepada Syarikat Perumahan Negara

**Berhad (SPNB)** bagi memulihkan lebih banyak projek perumahan swasta terbengkalai.

(iv) KPKT sedang dalam proses memantap dan menambahbaik Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [Akta 118] bagi meminimalkan bilangan projek-projek perumahan bermasalah di masa-masa akan datang. Di antaranya adalah:

- (a) Kekerapan mengemukakan laporan 7(f) dari dua (2) kali setahun kepada empat (4) kali setahun;
- (b) Lawatan dan mesyuarat tapak yang lebih kerap. Buat masa ini lawatan pertama ke tapak dilaksanakan dalam masa dua (2) bulan dari tarikh lesen dikeluarkan;
- (c) Semakan rapi ke atas akaun HDA dan Laporan Kewangan Beraudit syarikat pemajuan perumahan; dan
- (d) Menyenerai hitam Ahli Lembaga Pengarah Syarikat pemaju yang bermasalah.

- (v) Mengadakan rundingan dari semasa ke semasa dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam pemajuan perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian terbaik bagi projek-projek perumahan yang terbengkalai;
- (vi) Lawatan yang lebih kerap ke tapak projek dan pejabat pemaju untuk membuat semakan dan pemeriksaan ke atas kemajuan projek;
- (vii) Pemantauan dan penyelarasan yang lebih rapi berkaitan pemulihan projek perumahan terbengkalai juga diadakan melalui:-
  - a) Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y. Bhg.Tan Sri Ketua Setiausaha Negara;
  - b) Tiga (3) Kumpulan Kerja (Working Group) yang menumpukan kepada penetapan dasar pemajuan perumahan negara, pemantapan pemulihan projek dan penguatkuasaan undang-undang.

(viii) Berhubung punca yang menyebabkan masalah kesihatan serta sarang penagih dadah pula, perkara tersebut perlu dilaporkan kepada pihak-pihak yang berkaitan yang terlibat supaya pemantauan dan tindakan selanjutnya dapat diambil.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI  
MOHAMED SAID  
[ KUALA KRAU ]

TARIKH JAWAPAN :  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 67

SOALAN

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk memberi insentif dan bantuan kepada industri-industri yang merawat dan menggunakan air yang telah dirawat atau yang membangunkan teknologi merawat air bagi mencapai matlamat Dasar Teknologi Hijau Negara.

JAWAPAN

Industri yang merawat air sebenarnya telah banyak menikmati insentif daripada kerajaan. Pemain dalam industri ini terdiri daripada operator air milik kerajaan negeri ataupun pemegang konsesi yang diberikan hak untuk mengendalikan

aktiviti rawatan air. Bagi operator air milik kerajaan negeri, Kerajaan melalui Kementerian ini telah memberikan bantuan dalam bentuk pinjaman mudah tanpa faedah bagi membangunkan infrastruktur rawatan dan agihan air. Bagi pemegang konsesi, hak yang diberikan adalah dalam bentuk konsesi yang panjang dan kadar pulangan yang dipersetujui melalui perjanjian konsesi. Oleh yang demikian, insentif-insentif sedia ada telah banyak membantu operator-operator air dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Bagi industri yang menggunakan air terawat, Kerajaan sentiasa menggalakkan mereka untuk menggunakan air secara berhemah. Pada masa ini, tarif air bagi kegunaan industri masih lagi berpatutan dan tidak menjejaskan kos operasi mereka.

Walaupun begitu, industri-industri yang mengguna air dengan jumlah yang banyak sangat digalakkan untuk mengitar semula air yang telah digunakan. Melalui kitaran semula air yang telah digunakan, industri-industri akan memperoleh manfaat secara terus di mana melalui proses kitaran semula itu akan mengurangkan pengambilan air dari sistem bekalan awam. Amalan ini dengan secara langsungnya akan mengurangkan kos operasi industri tersebut. Selain daripada itu, amalan ini juga perlu dilihat sebagai tanggungjawab korporat (CSR) bagi syarikat untuk mengitar semula air sebagai usaha untuk memelihara alam sekitar.

Namun begitu, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat yang merawat atau mengguna air membangunkan kaedah-kaedah yang inovatif dan selari dengan Dasar Teknologi Hijau Negara. Kementerian akan sentiasa mengalu-alukan usaha tersebut dan akan menyokong untuk mendapatkan kemudahan melalui insentif skim Pembiayaan Teknologi Hijau.

\*\*\*\*\*

NO. AUM : ~~69~~ 68

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED  
SAID [ KUALA KRAU ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2504**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga kini sejauh manakah keberkesanan penggunaan CCTV dalam membantu menyelesaikan kes-kes jenayah dan apakah status penggunaan Central Intelligent (CIU) dalam membantu memerangi jenayah di negara ini.

## JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Krau yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan CCTV merupakan salah satu daripada 6 langkah utama dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Setakat ini terdapat sebanyak 655 CCTV di bawah kelolaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Di bawah NKRA pula, pihak kerajaan merancang untuk memasang sebanyak 496 unit CCTV baru melibatkan 25 PBT di seluruh Malaysia dalam sasaran mengurangkan 20 peratus kadar jenayah jalanan.

Pemasangan CCTV yang baru akan lebih bertumpu di kawasan-kawasan panas (*hotspot*) yang kerap berlaku jenayah. Pihak PDRM akan dibenarkan mengakses CCTV berkenaan yang akan diintegrasikan di semua balai polis seluruh negara. Penggunaan CCTV bukan sahaja bagi maksud menghalang jenayah tetapi juga akan berfungsi sebagai pengesanan jenayah dan membantu proses pendakwaan. Ia juga turut membantu pihak polis sampai ke tempat kejadian dengan cepat dan membuat orang awam merasa lebih selamat.

Berkenaan status penggunaan CIU pula, ia adalah satu pangkalan data (*database*) untuk menyimpan maklumat risikan jenayah dan dapat digunakan untuk memerangi jenayah. Penggunaannya telah dilaksanakan sejak Disember 2009 di peringkat Bukit Aman dan akan dipanjangkan ke peringkat kontinjen.

Nr = 69

SJ.B/(TULIS)/(2)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED  
SAID (KUALA KRAU)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**TARIKH : 16.03.2010 – 15.04.2010**

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said ( Kuala Krau ) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah pengumuman penstrukturan harga petrol serta mekanisme yang akan diguna pakai bagi penstrukturan semula subsidi petrol akan dilakukan dan berharap agar ia tidak membebankan pengguna dan adil kepada semua.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang telah diumumkan pada 4 Mac 2010, Kerajaan tidak akan meneruskan pelaksanaan penstrukturan semula subsidi petrol. Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira pandangan dan kepentingan rakyat. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Jawatankuasa Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah menubuhkan Makmal Rasionalisasi Subsidi bertujuan menjalankan kajian untuk menstrukturkan semula subsidi Kerajaan termasuk subsidi petrol. Antara aspek penting yang diberi tumpuan adalah memastikan subsidi dinikmati oleh golongan sasaran yang

memerlukannya demi kesejahteraan rakyat. Justeru, keputusan Kerajaan ke atas penstrukturan semula subsidi petrol akan dibuat tertakluk kepada hasil kajian makmal yang akan dibentangkan sedikit masa lagi.

NO. AUM : 7170

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2505**

**SOALAN:**

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :**

(a)jumlah laporan polis yang telah diterima oleh Polis sejak 2008 bersabit dengan aduan hasutan yang dilakukan oleh Utusan Malaysia; dan

(b)apakah hasil siasatan polis.

## JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sejak tahun 2008 pihak polis telah menerima sebanyak 12 laporan bersabit dengan aduan hasutan yang dilakukan oleh Utusan Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 2 laporan telah disiasat dan dikemukakan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya yang memutuskan tiada pendakwaan dibuat, manakala 10 laporan lagi masih lagi dalam siasatan polis. Kes-kes tersebut telah disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 8A Akta Mesin Cetak & Penerbitan 1984.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**  
**[ IPOH BARAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [ IPOH BARAT ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) apakah tujuan atau rasional Kerajaan yang telah mengkategorikan sekolah sebagai sekolah bantuan penuh dan bantuan modal; dan
- (b) sila nyatakan jumlah sekolah berkenaan mengikut negeri.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kerajaan sama ada Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan, dan KPM memberi peruntukan kepada semua aliran sekolah termasuklah sekolah-sekolah jenis kebangsaan (SJKC dan SJKT) dan sekolah mubaligh. Bagi kerja-kerja pembinaan baru, gantian dan tambahan serta ubahsuai dan naik taraf.

Kerajaan juga memberikan sumbangan bantuan penuh kepada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan meliputi peruntukan mengurus yang merangkumi emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, pemberian bantuan per kapita (PCG), dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sumbangan ini diberikan secara sama rata kepada semua

sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut.

Sehingga kini jumlah sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan adalah seperti berikut :

Jenis Sekolah	Sekolah Kerajaan	Sekolah Bantuan Kerajaan
Sekolah Mission	4	279
SJKC	404	889
SJKT	152	371
SABK	-	156

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**  
**SOALAN : NO.73**

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk mengawal kos yuran yang dikenakan oleh IPTS (Institusi Pendidikan Tinggi Swasta) supaya kos ini tidak akan dinaikkan dengan dengan sewenang-wenangnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IPTS perlu mematuhi kadar yuran yang telah ditetapkan semasa permohonan mendapatkan kelulusan penubuhan dan pendaftaran program pengajian. Permohonan menaikkan yuran akan hanya dipertimbang oleh kementerian berdasarkan justifikasi yang kukuh dan hanya setelah 3 tahun penubuhan IPTS tersebut.

Berdasarkan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555), subseksyen 40 (1) berkaitan yuran pengajian, IPTS yang melanggar syarat yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Terdapat kecenderungan masyarakat untuk membandingkan kadar yuran IPTS dengan kadar yuran IPTA. Kadar yuran yang dikenakan di IPTS adalah berdasarkan kadar pasaran semasa, manakala kadar yuran yang dikenakan oleh IPTA, khususnya bagi peringkat ijazah pertama, dikawal oleh Kerajaan dengan memberi subsidi di antara 78 hingga 96 peratus. Hakikatnya, kadar yuran yang

dikenakan oleh IPTS di Malaysia adalah berpatutan dan antara yang terendah di dunia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**  
**DARIPADA** : **YB. TUAN KULASEGARAN A/L**  
**MURUGESON [ IPOH BARAT ]**  
**TARIKH JAWAPAN** :  
**DI DEWAN RAKYAT**  
**SOALAN** : **NO. 73**

**SOALAN**

**YB. Tuan Kulasegaran A/L Murugeson** minta **Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air** menyatakan :-

- (a) bilakah dan bagaimanakah *Feed In Tariff* akan dilaksanakan; dan
- (b) apakah masalah yang akan di hadapi semasa dilaksanakan kelak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) *Feed-in Tariff* (FiT) adalah mekanisme yang membenarkan tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharu (RE) oleh pemaju bebas dan individu dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik pada kadar harga jualan atau tarif premium untuk satu tempoh yang telah ditetapkan. Ia mempunyai struktur insentif untuk menggalakkan penggunaan RE yang disokong oleh kerangka perundangan/regulatori. Kadar tarif premium yang ditetapkan adalah untuk membantu mengatasi kekangan kos modal yang tinggi untuk membangunkan

sesuatu projek RE. Kadar harga jualan yang ditetapkan adalah berbeza mengikut jenis sumber tenaga boleh diperbaharu yang dibangunkan. Mekanisme FIT dilihat lebih berdaya maju dan dapat melonjakkan pembangunan RE di sesebuah negara seperti di Jerman dan Sepanyol.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian saya telah memuktamadkan Kajian Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu di mana mekanisme FIT yang dicadangkan akan dilaksanakan apabila diluluskan oleh Kerajaan pada pertengahan tahun ini. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya, mekanisme FIT perlu disokong dengan kerangka perundangan yang berkesan. Kejayaan pelaksanaan Akta Tenaga Boleh Diperbaharu pula adalah tertakluk kepada keberkesanan agensi pelaksana menjalankan peranannya, dana FIT yang mencukupi serta peranan lain-lain *stakeholders* dalam memudah cara pembangunan industri RE. Kementerian berharap mendapat kerjasama Kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan dalam memacu pertumbuhan RE di Malaysia.

(b) Dengan pelaksanaan FIT di bawah Dasar dan Pelan Tindakan ini, RE dijangkakan akan mengalami pertumbuhan yang menggalakkan kerana mekanisme FIT berdaya maju dan terbukti dapat melonjakkan pembangunan RE. Sebagai contoh, di Jerman, pelaksanaan FIT telah melonjakkan penjanaan tenaga elektrik melalui sumber RE sebelum pelaksanaan FIT daripada 4.9% pada tahun 1998 kepada 14% pada tahun 2007 yang menunjukkan peningkatan lebih 9% dalam tempoh 9 tahun sejak FIT dilaksanakan pada tahun 2000.

Tiga (3) faktor utama yang menentukan kejayaan pelaksanaan mekanisme FIT adalah (i) penggubalan Akta Tenaga Boleh Diperbaharu bagi mewujudkan

kerangka perundangan yang mantap dan berkesan; (ii) penubuhan dana khas bagi RE iaitu dana RE (*RE fund*) bagi menanggung kos tambahan bagi kadar tarif premium yang ditawarkan di dalam mekanisme ini; dan (iii) penubuhan agensi pelaksana mekanisme FiT untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Tenaga Boleh Diperbaharu. Sehubungan itu, perancangan yang rapi bagi memastikan ketiga-tiga elemen ini dapat dilaksanakan dengan berkesan perlu dibuat. Selain itu, terdapat juga risiko dimana wujudnya situasi *overheating* yang akan berlaku sekiranya tiada had ditetapkan ke atas jumlah kelulusan kapasiti tenaga boleh diperbaharu yang diberikan di bawah mekanisme FiT. Oleh yang demikian had yang sesuai perlu ditetapkan supaya kelulusan yang diberikan tidak melebihi kapasiti dana sedia ada. Selain itu, Kementerian sedia bahawa kemungkinan terdapat akan terdapat masalah untuk mendapatkan sumber kewangan dana RE bagi membiayai mekanisme FiT sehingga tamat tempoh pelaksanaannya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan perlu merancang dengan teliti pelaksanaan mekanisme FiT ini supaya ia dapat diimplementasikan dengan sistematik dan efektif.

Walau bagaimanapun, kajian terperinci dan analisis komprehensif telah dijalankan oleh pihak Kementerian mengenai perkara ini yang turut melibatkan sesi maklumbalas yang kerap dengan pihak-pihak terlibat (*stakeholders*). Kementerian menjangkakan bahawa pelaksanaan FiT yang dicadangkan akan berjalan dengan lancar berdasarkan persediaan yang telah dibuat.

\*\*\*\*\*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
(IPOH BARAT)

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) Jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk mendaftar pemilih baru dari tahun 2004 hingga tahun 2010; dan
- (b) Jumlah pengundi yang melebihi umur 21 tahun ke atas yang masih belum mendaftar sebagai pemilih.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,
- SPR menyediakan pelbagai kemudahan untuk warganegara Malaysia mendaftar sebagai pemilih. Kemudahan pendaftaran yang disediakan adalah melalui kaunter statik di pejabat-pejabat SPR seluruh negara dan kaunter bergerak SPR di tempat-tempat tumpuan orang ramai, kaunter pejabat pos di seluruh negara dan melalui penolong pendaftar yang dilantik daripada kalangan ahli parti-parti politik dan wakil SPR di jabatan-jabatan kerajaan. Bagi urusan pendaftaran pemilih baru, SPR membayar komisen sebanyak RM 1.70 bagi setiap permohonan baru kepada Pos Malaysia Berhad (PMB) dan RM 1.00 kepada Penolong Pendaftar (wakil parti politik) dan Penolong Pendaftar (wakil jabatan). Bagi melaksanakan program-program bagi mendaftarkan pemilih baru pula, secara puratanya jumlah yang diperuntukkan oleh SPR pada setiap tahun adalah sebanyak RM700,000.

(b) Jumlah warganegara yang memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai pemilih tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih adalah sebagaimana di Lampiran. Statistik ini adalah perbandingan di antara jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas sehingga 4 Februari 2010 dengan jumlah pemilih berdaftar iaitu DPI 2009 yang diwartakan pada 25 Februari 2010.

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**STATISTIK WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERUMUR 21 TAHUN DAN KE ATAS**  
**YANG TELAH MENDAFTAR DAN BELUM MENDAFTAR DENGAN SPR.**  
(DAFTAR PEMILIH INDUK 2009 DIWARTAKAN 25 FEBRUARI 2010)

BIL	NEGERI	BILANGAN 21 TAHUN DAN KE ATAS SEHINGGA 4 FEBRUARI 2010	BILANGAN TELAH MENDAFTAR DENGAN SPR SEHINGGA DPI 2009	BELUM MENDAFTAR DI SPR	
				BILANGAN BELUM MENDAFTAR	PERATUS BELUM MENDAFTAR
1	PERLIS	153,317	121,209	32,108	20.9%
2	KEDAH	1,200,525	881,526	318,999	26.6%
3	KELANTAN	1,016,808	767,623	249,185	24.5%
4	TERENGGANU	619,312	537,805	81,507	13.2%
5	PULAU PINANG	936,595	717,462	219,133	23.4%
6	PERAK	1,750,498	1,222,582	527,916	30.2%
7	PAHANG	822,971	620,160	202,811	24.6%
8	SELANGOR	2,421,663	1,622,662	799,001	33.0%
9	W.P KUALA LUMPUR	1,048,410	692,727	355,683	33.9%
10	W.P PUTRAJAYA	14,669	7,170	7,499	51.1%
11	NEGERI SEMBILAN	626,227	470,081	156,146	24.9%
12	MELAKA	474,622	377,448	97,174	20.5%
13	JOHOR	1,949,410	1,341,234	608,176	31.2%
14	W.P LABUAN	32,614	20,940	11,674	35.8%
15	SABAH	1,109,942	820,994	288,948	26.0%
16	SARAWAK	1,420,641	940,923	479,718	33.8%
	<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>15,598,224</b>	<b>11,162,546</b>	<b>4,435,678</b>	<b>28.4%</b>

NO. AUM : 76 FS

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]

TARIKH :

RUJUKAN : 2506

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah dan punca kematian orang kena tahan semasa di lokap polis dan penjara Malaysia setiap tahun sejak tahun 2005 mengikut stesen polis dan penjara yang berkenaan.

**Jawapan:**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur** yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, statistik Polis DiRaja Malaysia menunjukkan semenjak tahun 2005 sehingga Februari 2010, terdapat sejumlah 66 kes kematian yang berlaku di dalam tahanan polis. Daripada jumlah tersebut, 46 kes kematian berpunca daripada penyakit yang dihadapi oleh orang kena tahan (OKT), 19 kes kematian lagi berpunca daripada tindakan orang kena tahan (OKT) bergaduh sesama sendiri atau gantung diri manakala 1 kes lagi yang didakwa melibatkan penggunaan kekerasan dan kes ini sedang dalam perbicaraan mahkamah.

Statistik Jabatan Penjara pula menunjukkan semenjak tahun 2005 hingga Februari 2010 terdapat sejumlah 19 kes kematian penghuni yang berlaku di dalam penjara berpunca dari tindakan menggantung diri sendiri. Semua kes kematian tersebut telah dilaporkan kepada pihak polis untuk siasatan lanjut dan seterusnya dilaksanakan *coroner's inquest*.

Walau bagaimanapun, terdapat penurunan sebanyak 2,228 kes atau -1.05% pada jenayah indeks tahun 2009 di mana jumlah kes yang dilaporkan pada tahun tersebut menurun kepada 209,417 kes berbanding 211,645 kes pada tahun 2008. Manakala jumlah kes yang berjaya diselesaikan pada tahun 2009 ialah sebanyak 99,254 kes atau 47.4%.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR)**

**SOALAN : YB TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR) minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang berhijrah ke luar negara sejak tahun 2005 mengikut negara yang mereka pilih.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, warganegara Malaysia yang keluar negara adalah berdasarkan kepada pelbagai sebab yang diantaranya untuk belajar, mengikut pasangan, berkursus, bekerja dan melancong. Perwakilan Malaysia di luar negara tidak mempunyai rekod sebenar jumlah rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke luar negara kerana tidak dapat dipastikan samada mereka terus menetap di

sesebuah negara atau sudah berpindah ke negara lain ataupun pulang ke Malaysia.

3. Walau bagaimanapun, Perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa menggalakkan rakyat Malaysia yang ke luar negara untuk berdaftar di Perwakilan Malaysia namun ia bukan tujuan mengkategorikan mereka sebagai berhijrah. Oleh yang demikian, rehid ini tidak memberikan gambaran yang menyeluruh dan sebenar.

Sekian, terima kasih.

77.

NO. AUM : 77

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ Ipoh Timur ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2508**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang berhijrah ke luar negara sejak tahun 2005, mengikut negara yang di hijrah, umur mereka yang berhijrah serta latar belakang pendidikan mereka yang berhijrah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, maksud 'hijrah' adalah meninggalkan negara dan menetap di negara lain bagi tujuan tertentu yang selalunya untuk suatu tempoh masa yang lama. Sehubungan dengan ini, Kementerian ini ingin menjelaskan bahawa keberadaan atau tujuan rakyat Malaysia keluar negara bukanlah di bawah seliaan dan bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Namun, pergerakan keluar rakyat Malaysia di pintu-pintu masuk negara sentiasa dipantau pada setiap masa. Berikut adalah statistik rakyat Malaysia keluar negara bagi setiap bulan sejak Mac 2008 hingga Ogos 2009 dan perbandingannya bagi tempoh yang sama tahun 2007.

Bulan	2007	2008	2009
Mac	647,384	703,118	3,483,976
April	644,996	719,344	3,264,216
Mei	677,193	1,046,090	3,282,769
Jun	623,283	942,437	3,321,322
Julai	603,984	1,029,298	2,988,058

<b>Bulan</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>
Ogos	705,454	1,227,261	2,753,661
September	650,152	1,008,417	-
Oktober	707,396	1,098,920	-
November	763,704	1,094,439	-
Disember	887,362	2,191,335	-
<b>JUMLAH</b>	<b>8,147,878</b>	<b>12,378,047</b>	<b>25,172,788</b>
		<b>37,550,835</b>	

Selain daripada itu, Kementerian Dalam Negeri juga menerima permohonan penolakan warganegara Malaysia yang juga menunjukkan penghijrahan keluar warganegara Malaysia ke luar negara. Penolakan kewarganegaraan Malaysia oleh seseorang itu adalah disebabkan beliau telah atau akan menjadi warganegara lain. Jumlah permohonan penolakan kewarganegaraan yang diterima di Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2006 hingga tahun 2009 ialah 13,933 dan mereka ini telah berpindah ke negara lain. Pecahannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

- Tahun 2006 - 2,725 orang;
- Tahun 2007 - 4,565 orang;
- Tahun 2008 - 1,994 orang; dan
- Tahun 2009 - 4,649 orang.

Manakala pecahan mengikut negara yang dituju adalah seperti berikut:

TOLAKAN YANG DIDAFTARKAN MENGIKUT NEGARA DITUJU  
DARI TAHUN 2006 SEHINGGA 2009

NEGARA	2006	2007	2008	2009	JUMLAH
SINGAPURA	2020	3542	1197	3783	10542
BRUNEI	255	308	188	175	926
AUSTRALIA	153	197	217	281	848
BRITAIN (UK)	123	148	81	57	409
U.S.A	34	68	82	85	269
TAIWAN	13	90	69	79	251
CANADA	33	41	45	57	176
N. ZEALAND	11	58	36	59	164
GERMANY	23	28	18	18	87
HONG KONG	22	15	15	13	65
NETHERLANDS	9	12	6	11	38
JEPUN	6	11	4	6	27
SWEDEN	11	6	3	3	23
INDIA	2	7	8	3	20
INDONESIA	0	7	6	6	19
NORWAY	0	8	2	3	13
THAILAND	2	5	2	0	9
DENMARK	1	3	1	3	8
SWITZERLAND	0	1	6	1	8
FRANCE	1	1	1	2	5
AUSTRIA	0	2	1	1	4
BELGIUM	4	0	0	0	4
IRELAND	0	1	2	1	4
ITALI	1	1	1	0	3
FINLAND	0	2	0	0	2
KOREA	0	1	1	0	2
SRI LANKA	0	1	0	1	2
CHINA	0	1	0	0	1
FILIPINA	0	0	1	0	1
ICELAND	0	0	0	1	1
JORDAN	1	0	0	0	1
PAKISTAN	0	0	1	0	1
JUMLAH	2725	4565	1994	4649	13933

Pecahan mereka yang keluar negara / menolak kewarganegaraan mengikut umur dan latarbelakang pendidikan mereka seperti pertanyaan Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur tidak dapat dikemukakan kerana ianya tidak disimpan sebagai rekod Jabatan Imigresen Malaysia / Jabatan Pendaftaran Negara.

Walaupun begitu, pergerakan keluar rakyat Malaysia dan penolakan warganegara Malaysia tidak menggambarkan secara tepat penghijrahan warga Malaysia ke luar negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan kapasiti jalur lebar Internet antarabangsa Malaysia mengikut setiap kabel dasar laut, destinasi (negara) dan pembahagian kepada Kerajaan, pengguna komersial dan bukan komersial untuk setiap suku tahun sejak 1997.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Untuk makluman, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) tidak mensyaratkan pembahagian penggunaan kapasiti jalur lebar Internet antarabangsa mahupun dalam negara kepada Kerajaan, pengguna komersial dan bukan komersial. Penyediaan kapasiti kepada kumpulan-kumpulan ini bergantung kepada permintaan dan bukan sebaliknya. Secara keseluruhannya, kapasiti jalur lebar

antarabangsa milik Malaysia adalah sebanyak 140Gbps untuk tahun 2009.

Kapasiti jalur lebar internet antarabangsa secara umumnya dimiliki oleh konsortium antarabangsa. Telekom Malaysia Berhad adalah rakan kongsi di dalam konsortium tersebut. Kapasiti antarabangsa ini diberikan melalui kabel dasar laut yang disambung melalui stesen-stesen pendaratan kabel di Malaysia.

Jenis Sistem Kabel Dasar Laut yang terdapat di Malaysia terdiri dari AAG - *Asia America Gateway*, APCN 2 - *Asia-Pacific Cable Network 2*, APCN - *Asia-Pacific Cable Network*, BRCS - *Batam Rengit Cable System*, DMCS - *Dumai-Melaka Cable System*, SEA-ME-WE 3 - *South East Asia-MiddleEast-Western Europe*, SAT-3/WASC/ SAFE - *South Atlantic 3/West Africa Submarine Cable, South Africa-Far East*, SEA-ME-WE 4 - *South East Asia-MiddleEast-Western Europe* MCS - *Matrix Cable System*, dan FLAG - *Fiber-Optic Link Around the Globe*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilangan langganan perkhidmatan internet mengikut negeri dipecahkan kepada luar bandar dan bandar dan jenis teknologi (ADSL, FTTH, 3G, WiMax dan lain-lain) untuk setiap suku tahun sejak 1997.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) tidak menerbitkan statistik bagi setiap negeri mengikut teknologi. Inisiatif memantau perkembangan teknologi jalur lebar di peringkat negeri hanya bermula pada tahun 2009. Disertakan langganan jalur Lebar mengikut negeri pada penghujung 31 Disember 2009.

## Langganan Jalur Lebar mengikut negeri pada 31 Disember 2009

	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Negeri Sembilan
Fixed BB ('000)					
ADSL	175.9	60.3	27.0	48.7	50.5
SDSL	0.7	0.3	0.1	0.2	0.2
Satellite	0.5	0.2	0.3	0.1	0.1
FTTH					

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah diperuntukkan sejumlah RM16.522 bilion dalam tempoh RMKe-9 bagi membiayai pelaksanaan program/projek pembangunan luar bandar. Daripada jumlah tersebut, peruntukan bagi tahun 2007 adalah sebanyak RM2.500 bilion manakala peruntukan bagi tahun 2008 pula berjumlah RM2.411 bilion. Pada tahun 2009, peruntukan Kementerian telah meningkat kepada RM3.581 bilion selaras dengan kemasukan agensi Majlis Amanah Rakyat (MARA) ke KKLW. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, pecahan peruntukan mengikut negeri adalah seperti berikut:

BT	NEGERI	PERUNTUKAN RMKe-9 (RM JUTA)	% PERUNTUKAN RMKe-9	PERUNTUKAN TAHUN 2007 - 2009 (RM JUTA)	% PERUNTUKAN TAHUN 2007 - 2009
1	Johor	1,126	6.82	514	6.05
2	Kedah	989	5.99	524	6.17
3	Kelantan	873	5.29	622	7.33
4	Melaka	463	2.80	221	2.60

BIL.	NEGERI	PERUNTUKAN RMKe-9 (RM JUTA)	% PERUNTUKAN RMKe-9	PERUNTUKAN TAHUN 2007 - 2009 (RM JUTA)	% PERUNTUKAN TAHUN 2007 - 2009
5	Negeri Sembilan	759	4.59	351	4.13
6	Pahang	1,283	7.77	644	7.58
7	Pulau Pinang	368	2.22	191	2.25
8	Perak	1,263	7.64	715	8.42
9	Perlis	205	1.24	112	1.31
10	Selangor	804	4.86	291	3.43
11	Terengganu	807	4.88	429	5.05
12	Sabah	2,976	18.01	1,447	17.04
13	Sarawak	2,276	13.77	1,284	15.12
14	Wilayah Persekutuan	261	1.58	50	0.59
15	Pelbagai Negeri	2,070	12.53	1,097	12.92
<b>JUMLAH</b>		<b>16,522</b>	<b>100.00</b>	<b>8,493</b>	<b>100.00</b>

Agihan peruntukan RMKe-9 mengikut negeri menyaksikan negeri Sabah menerima lebih 18 peratus dan Sarawak menerima hampir 14 peratus daripada keseluruhan peruntukan Kementerian. Agihan ini menjadikan kedua-dua negeri berkenaan sebagai penerima peruntukan terbesar Kementerian sejajar dengan hasrat untuk membangunkan negeri Sabah dan Sarawak terutamanya infrastruktur asas fizikal luar bandar seperti jalan, bekalan air dan elektrik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)

SOALAN NO. : 81

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM) minta MENTERI  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
menyatakan jumlah usahawan Bumiputera mengikut bidang  
niaga yang aktif di setiap negeri pada tahun 2005, 2006, 2007,  
2008 dan 2009.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai data menyeluruh mengenai jumlah usahawan Bumiputera mengikut bidang niaga yang aktif di setiap negeri.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengambil inisiatif

untuk mengumpul data syarikat Bumiputera yang aktif di dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan di peringkat Nasional. Sehingga Disember 2009 sebanyak 5,827 data syarikat Bumiputera telah dikumpulkan, daripada jumlah tersebut sebanyak 3,905 data mempunyai nombor pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan sebanyak 1,922 data tidak mempunyai nombor pendaftaran SSM. Syarikat-syarikat bumiputera terbabit dalam industri pembuatan antaranya seperti komponen automotif, makanan dan minuman, produk kesihatan, pakaian, kosmetik, manakala di dalam sektor perkhidmatan seperti pengangkutan, telekomunikasi, kejuruteraan dan pelancongan.

Data-data mengenai syarikat Bumiputera berkenaan sedang dikemaskinikan dari semasa ke semasa oleh Bahagian Pembangunan Keusahawanan, MITI dan disasarkan sistem pengkalan data bumiputera disiapkan pada akhir tahun 2010.

PEMBERITAHU PERTANYAANDEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI  
KAWASAN : TENOM  
NO. SOALAN : 82

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan domestik dan pelaburan asing serta penggunaan tenaga kerja di negeri Sabah bagi tahun 2005 hingga tiga bulan pertama tahun 2010.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 2005 hingga 2009, jumlah pelaburan yang diluluskan di sektor perkilangan di negeri Sabah adalah sebanyak RM16.1 bilion bagi 222 projek yang mana pelaburan domestik (DI) adalah sebanyak RM7.2 bilion

(44.7%) manakala pelaburan asing (FDI) adalah sebanyak RM8.9 bilion (55.3%). Statistik rasmi bagi suku pertama 2010 masih belum dikeuarkan lagi.

Berasaskan bilangan projek ini, bagi tempoh yang sama juga, sebanyak 15,456 peluang pekerjaan dijangka diwujudkan untuk rakyat negeri Sabah.

Pecahan jumlah nilai pelaburan domestik dan pelaburan asing yang diluluskan serta pejuang pekerjaan yang telah diwujudkan bagi tempoh 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Tahun	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Asing (RM bilion)	Pelaburan Tempatan (RM bilion)	Jumlah (RM bilion)	Jumlah Projek
2005	2,233	0.3	0.9	1.2	41
2006	4,650	0.8	4.2	5.0	75
2007	2,820	2.2	1.1	3.3	41
2008	3,244	0.3	0.6	0.9	40
2009	2,509	5.3	0.4	5.7	25
Jumlah	15,456	8.9	7.2	16.1	222

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI  
[ TENOM ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIAPERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah dana yang diperuntukan untuk penerbitan buku setiap tahun dan berapakah jumlah syarikat penerbitan Bumiputera yang telah memanfaatkan dana tersebut dalam usaha memperkasakan pembudayaan membaca dalam negara ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha mempergiat industri perbukuan negara, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan Dana Penggerak Industri Buku (PIBN) bagi meningkatkan penyertaan penerbit kecil dan sederhana dalam kegiatan penerbitan pelbagai kategori buku judul am khususnya buku pengetahuan untuk kanak-kanak, remaja dan pembaca dewasa, dalam bahasa Melayu.

Peruntukan sebanyak RM10 juta pada tahun 2007, RM8 juta pada tahun 2008 dan RM8 juta pada tahun 2009 telah disalurkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, selaku urus setia PIBN, yang diletakkan di Bahagian Pembangunan Penerbitan. Antara matlamatnya ialah untuk menggiatkan penerbitan bahan bermutu dalam pelbagai bidang ilmu dalam Bahasa Malaysia dan membantu proses membangunkan masyarakat penerbit bagi menggerakkan industri buku negara.

Bermula dari September 2007 hingga Ogos 2009, urus setia PIBN menerima 981 permohonan daripada 62 penerbit untuk pembiayaan dalam pelbagai kategori buku.

Daripada jumlah tersebut, 33 penerbit terpilih bagi menerbitkan 301 judul buku. Jumlah pembiayaan bagi projek ini adalah sebanyak RM3.182 juta.

Dana ini turut digunakan untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan penerbitan termasuk mengadakan kursus dan latihan. Jumlah perbelanjaan dari tahun 2007 hingga tahun 2009 adalah sebanyak RM664,726.47.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN BAGI  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]

TARIKH : 16 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sejauh mana tahap kefahaman rakyat jelata berhubung Gagasan 1Malaysia sejak diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keenam.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Kajian Kesedaran dan Kefahaman Masyarakat Terhadap Konsep 1Malaysia yang dijalankan oleh Kementerian pada Oktober 2009 dengan sampel kajian seramai 12,212 orang responden. Sebanyak 82% daripada responden didapati tahu dan sedar mengenai konsep 1Malaysia.

Terdapat 10,000 responden yang memberikan respon terhadap kefahaman mengenai konsep 1Malaysia. Didapati sebanyak 70% memahami mengenai konsep ini.

Yang Berhormat,

Kajian ini bertujuan untuk mengukur sejauh mana kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap Gagasan 1Malaysia yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri.

Usaha-usaha berterusan akan dilaksanakan seperti Program Pemimpin Turun Padang, Program Semarak 1Malaysia di peringkat kebangsaan, negeri, kementerian/agensi kerajaan dan swasta, ceramah wacana di IPTA/IPTS dan sekolah-sekolah, Program hati ke hati, pameran, layar bestari, pertandingan melukis, mewarna, pidato, nyanyian lagu patriotik, fotograf, debat dan filem pendek, serta pelbagai aktiviti publisiti dan promosi termasuk lagu, treler, pengiklanan luar/dalam dan melalui bahan-bahan percetakan.

Bagi memastikan rakyat mempunyai pemahaman yang sama dan mengelakkan kecelaruan, Kementerian telah menyelaraskan semua maklumat bagi bahan-bahan bercetak terbitan Jabatan, bahan-bahan kempen dan input serta aktiviti ceramah bagi memudahkan pemahaman rakyat.

Kerajaan juga telah menjalankan kajian menerusi SMS mulai 4 hingga 11 Januari 2010.

Jumlah yang berdaftar itu tidak menggambarkan jumlah sebenar pengangguran kerana terdapat di antara mereka yang telah bekerja tetapi mendaftar dengan JobsMalaysia untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

DR(15 Mac-15 April 10)/has...2.3.10/Salahuddin 736090

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**

**SOALAN :**

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah menutup siasatan kes politik wang membabitkan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan adakah ia bukan kesalahan dari segi undang-undang negara ini.

**JAWAPAN**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah sebuah agensi penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan siasatan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009. Sebagaimana Y.B sedia maklum, SPRM tidak mempunyai kuasa untuk menutup atau mendakwa sesuatu kes kerana hanya Peguam Negara sahaja yang mempunyai kuasa perundangan untuk mendakwa atau menutup sesuatu kes selaras dengan peruntukan di Artikel 145,

Perlembagaan Persekutuan serta seksyen 56 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

SPRM telah menjalankan siasatan berhubung dengan kes yang dibangkitkan dan telah mengumpul segala bukti dan keterangan untuk diputuskan oleh Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM. Setelah dipertimbangkan segala bukti dan keterangan, Bahagian tersebut telah memutuskan keterangan yang ada tidak kukuh dan kes tersebut tidak menepati standard pendakwaan di mahkamah sekurang-kurangnya pada tahap 90% bagi mendapatkan sabitan. Keputusan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan itu telah dirujuk kepada Panel Penilaian Operasi yang terdiri dari kalangan profesional dan Panel telah berpuashati dan bersetuju dengan keputusan yang telah dibuat itu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**
- DARIPADA** : **YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB ( KUBANG KERIAN )**
- TARIKH** : **DALAM TEMPOH DEWAN BERSIDANG**
- SOALAN** : **TUAN HAJI SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani tindakan parti tertentu mengapi - apikan perbalahan antara kaum terutamanya di Pulau Pinang.

**JAWAPAN: (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kadang-kala individu-individu bahkan golongan-golongan tertentu yang mempunyai kepentingan dan agenda tertentu, membangkitkan isu-isu yang boleh menjejaskan suasana hubungan baik, bahkan menimbulkan perasaan tidak senang hati dan ketegangan antara kaum di Negara ini. Perkara ini bukan hanya berlaku di Pulau Pinang malah turut juga berlaku di negeri-negeri lain.

Di dalam keadaan sebegini, memang terdapat beberapa tindakan yang boleh diambil untuk menguruskan dan menangani keadaan supaya ianya dapat terkawal daripada membawa kepada perbalahan yang lebih serius, di antaranya:

**a) Tindakan Menguatkuasakan Undang-Undang**

Jika terdapat mana-mana individu dari golongan tertentu yang meniupkan api perkauman yang boleh mengancam ketenteraman, menjejaskan keamanan dan boleh menimbulkan kekacauan, maka kerajaan akan menguatkuasakan apa jua undang-undang yang berkaitan bagi membendungnya, seperti Akta Hasutan, Akta Keselamatan Dalam Negeri ( ISA ), Akta Percetakan, Akhbar dan Penerbitan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan akan berhati-hati menggunakan undang-undang ini.

**b) Usaha Memupuk Perpaduan di Akar Umbi**

Bagi tempoh jangka panjang dan dari perspektif Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ( JPNIN ), usaha-usaha mendidik individu dan masyarakat tentang pentingnya perpaduan perlu dipertingkatkan. Usaha-usaha ini dilakukan melalui memperkasakan mekanisma perpaduan yang sedia ada seperti institusi Rukun Tetangga (RT), Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah-sekolah, badan-badan bukan Kerajaan ( NGO) serta melalui penganjuran ceramah yang memberi penjelasan terperinci tentang isi kandungan Perlembagaan Persekutuan dan penghayatan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara. Di samping itu, pemimpin-pemimpin RT dan masyarakat dilatih untuk kemahiran mediasi supaya dapat mengurus dan menyelesaikan sengketa.

- c) **Penghayatan 1Malaysia**  
Gagasan 1 Malaysia merupakan kesinambungan kepada usaha-usaha sejak kemerdekaan untuk memupuk perpaduan negara dan integrasi nasional di kalangan masyarakat majmuk di Negara ini. Teras utamanya ialah untuk memupuk semangat penerimaan dan hormat-menghormati kepelbagaian sebagai satu kekuatan dan bukan setakat bertoleransi. Di samping itu, gagasan ini juga bertujuan untuk membela semua rakyat di Negara ini tanpa mengira latar belakang supaya tiada mana-mana golongan yang terpinggir. Hal ini adalah selaras dengan semangat dan intipati Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
- d) **Peranan Pemimpin Politik**  
Ahli-ahli politik tanpa mengira parti atau tahap, perlu bersikap profesional dalam berpolitik. Politik perkauman perlu dielakkan dan dijauhkan kerana ia tidak akan mendatangkan faedah kepada pembangunan negara. Sikap dan pendekatan yang perlu dipupuk dan diamalkan ialah dengan cara mengkritik dasar dan pelaksanaan dasar secara positif, membina, konkrit dan seimbang supaya mengambil kira impak-impak yang baik dan berfaedah, serta kesan-kesan yang kurang baik, bukan dengan cara memainkan isu dari sudut perkauman. Jika selain daripada Transformasi Kerajaan, adalah perlu digalakkan transformasi berpolitik.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN**  
**HAJI AYUB**

---

**NO. SOALAN : 88**

**TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [ KUBANG KERIAN ]**  
**minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN**  
**INDUSTRI menyatakan statistik bagi menafikan laporan**  
**Political and Economic Risk Consultancy (PERC) yang**  
**menyatakan pelaburan asing tidak masuk ke negara ini,**  
**sama ada pelaburan langsung atau dalam pasaran saham.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan yang**  
**dikemukakan oleh Yang Berhormat Klang yang dijadualkan**  
**pada 24.03.10, Yang Berhormat Kuala Selangor, yang**

dijadualkan pada 30.03.10 dan soalan daripada Yang Berhormat Segambut yang dijadualkan pada 06.04.10 kerana soalan-soalan ini adalah berkaitan.

Malaysia mengikuti laporan-laporan yang dibuat oleh media asing dan juga badan-badan penyelidikan ekonomi dan politik antarabangsa terhadap perkembangan yang berlaku di dalam negara. Kerajaan sedar bahawa laporan-laporan tersebut bukan sahaja positif tetapi kadang-kadang boleh berbentuk negatif. Ini adalah kerana laporan tersebut dibuat berdasarkan persepsi pihak yang menilai perkembangan tempatan dari kaca mata mereka sendiri. Di samping itu, terdapat juga laporan negatif kerana maklumat yang diperolehi sama ada tidak tepat ataupun tidak mencerminkan sepenuhnya situasi sebenar. Malaysia sentiasa mengalu-alukan kedatangan badan-badan penyelidikan untuk melihat sendiri situasi sebenar di Malaysia.

Bagi memberi pelabur asing fakta-fakta yang benar dan terkini berkaitan dengan perkembangan semasa di Malaysia,

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri selalu mengadakan sesi pertemuan dengan pihak media asing dan komuniti perniagaan antarabangsa sama ada di Malaysia, begitu juga semasa misi-misi galakan perdagangan dan pelaburan ke luar negeri untuk memberikan penjelasan berkaitan isu-isu semasa Malaysia.

Di samping itu, kegiatan *outreach* Kerajaan juga diperluaskan ke luar negeri menerusi rangkaian kedutaan-kedutaan di luar negeri dan juga oleh pegawai-pegawai perdagangan dan pelaburan di luar negara. Usaha penyebaran maklumat ini juga dilakukan dengan kerjasama pertubuhan perniagaan Malaysia yang terdapat di negara-negara berkenaan.

Kerajaan akan berusaha sepenuhnya bagi memastikan bahawa dasar dan iklim perniagaan dalam negara akan sentiasa kondusif kepada semua para pelabur dan peniaga, sama ada tempatan mahupun asing. Di samping itu,

Kerajaan juga berusaha untuk memastikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani impak krisis ekonomi global dan memperbaiki iklim pelaburan dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Bagi menangani masalah ekonomi serta mengurangkan kesannya ke atas masyarakat umum, Kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan ekonomi yang berjumlah RM67 bilion. Pakej rangsangan ini telah berjaya mengurangkan impak sepenuhnya krisis ini dan membolehkan Malaysia keluar dari kemelesetan ekonomi pada penghujung tahun lalu, di mana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.5% pada suku tahun keempat 2009.

Di pihak Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang ditubuhkan pada Februari 2007, ianya

telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan dalam sistem, prosedur dan proses penyampaian Kerajaan termasuk mengurangkan masa untuk memulakan perniagaan dan pendaftaran harta serta memperkenalkan satu nombor rujukan tunggal yang dipanggil MyCoID, iaitu nombor pengenalan bagi entiti perniagaan yang digunakan apabila berurusan dengan agensi kerajaan.

Di samping itu, Program Transformasi Kerajaan telah diperkenalkan untuk menambahbaik lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi memudahkan aktiviti perniagaan. Semua usaha ini adalah bagi memastikan Malaysia sentiasa kekal menarik kepada pelabur-pelabur asing.

Tuan Yang Dipertua,

Para pelabur masih mempunyai keyakinan ke atas Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan pilihan. Ini terbukti dari jumlah pelaburan asing yang diluluskan untuk sektor

pembuatan pada tiga tahun kebelakangan ini – iaitu sebanyak RM59.9 bilion pada tahun 2007, RM62.8 bilion pada tahun 2008 dan RM32.6 bilion pada tahun 2009 - melebihi sasaran tahunan RM27.5 bilion yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia sentiasa bersikap positif kepada semua teguran yang berasas sama ada dari dalam atau luar negeri. Teguran-teguran ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai profil antarabangsa yang tinggi dan sentiasa berada di mata dunia. Ini merupakan suatu perkara yang membanggakan bagi Malaysia di peringkat antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
(KUBANG KERIAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**TARIKH : 16.03.2010 – 15.04.2010**

**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub (Kubang Kerian)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kebenaran laporan UBS Investment Research yang menyenaraikan Malaysia sebagai negara paling teruk di Asia yang mengalami penurunan rizab antarabangsa.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Penurunan rizab antarabangsa yang di alami oleh negara iaitu dalam tempoh bulan Julai 2008 hingga bulan Mei 2009, merupakan fenomena yang turut dialami oleh negara-negara lain, termasuk di rantau Asia. Ini berpunca sebahagian besarnya daripada kesan krisis kewangan subprima di Amerika Syarikat yang telah mengakibatkan kegawatan ekonomi dunia yang amat mencabar pada tahun 2009

dan seterusnya menggugat aliran modal dan perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kedudukan rizab antarabangsa negara sebenarnya telah beransur meningkat kembali sejak bulan Jun tahun 2009 iaitu daripada paras yang rendah RM320.7 bilion atau USD67.8 bilion pada akhir Mac 2009 kepada RM322.9 bilion atau USD91.5 bilion pada akhir Jun 2009.

2. Trend peningkatan semula ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia mampu memperkukuhkan kedudukan rizab antarabangsa, sekali gus menolak kenyataan dalam laporan UBS *Investment Research*. Malahan, paras rizab ini semakin bertambah sebanyak RM13.8 bilion kepada RM331.3 bilion atau USD96.7 bilion pada tahun 2009 berbanding RM317.5 bilion atau USD91.5 bilion pada tahun 2008. Pertambahan jumlah rizab ini disumbangkan sebahagian besarnya oleh peningkatan aliran masuk bersih perdagangan dan perkhidmatan sebanyak RM144.7 bilion. Pada tahun 2009, mengikut laporan imbangan pembayaran negara oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah aliran masuk bersih pelaburan portfolio turut mencatatkan lebih sebanyak RM0.8 bilion berbanding dengan defisit sebanyak RM84.4 bilion pada tahun 2008.

3. Sejajar dengan trend peningkatan tersebut, paras terkini rizab negara iaitu pada 15 Mac 2010 kekal kukuh sebanyak RM331.7 bilion atau USD96.8 bilion. Paras ini mampu menampung 9.2 bulan import tertanggung dan 4.3 kali lebih tinggi daripada hutang luar jangka pendek.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON**  
**( TEBRAU )**  
**NO.SOALAN : 90**

**TUAN TENG BOON SOON ( TEBRAU )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian telah melaksanakan penguatkuasaan yang berkesan untuk menghadkan pembelian petrol oleh kenderaan rakyat asing di negara kita. Adakah dasar ini akan dikenakan kepada kenderaan rakyat tempatan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian melalui Peruntukan di bawah Peraturan 12 A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 telah mengeluarkan arahan larangan penjualan petrol dan diesel melebihi 20 liter kepada kenderaan yang tidak didaftarkan di Malaysia yang melibatkan stesen-stesen minyak dalam lingkungan 50 km dari sempadan.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 16 Disember 2009. Mana-mana stesen minyak yang gagal mematuhi arahan ini, boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 termasuk menarik balik lesen-lesen yang telah diberikan.

Buat masa kini, arahan ini tidak terpakai kepada kenderaan-kenderaan milik rakyat tempatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN BAGI  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]**

**SOALAN**

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyediakan satu perpustakaan awam di setiap kawasan Parlimen untuk meningkatkan kadar membaca di kalangan rakyat khususnya generasi muda demi mewujudkan masyarakat yang berilmu.

**JAWAPAN:**

Yang Berhormat,

Adalah menjadi strategi Kerajaan untuk menubuhkan dan memperluaskan rangkaian perkhidmatan perpustakaan ke seluruh negara merentasi semua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen bertujuan memudahkan masyarakat di negara ini mendapat kemudahan bahan bacaan dan akses maklumat secara saksama di antara masyarakat di bandar dan di luar bandar.

Jumlah perpustakaan awam yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan sehingga Februari 2010 adalah sebanyak 1,384 buah iaitu termasuk perpustakaan awam negeri (PAN), wilayah, cawangan/daerah, pekan, desa dan perpustakaan bergerak yang diwujudkan di setiap negeri. Secara umumnya, setiap kawasan DUN/Parlimen telah mempunyai kemudahan perkhidmatan perpustakaan awam. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, kerajaan akan meneruskan penubuhan perpustakaan awam di kawasan DUN dan Parlimen yang belum mempunyai kemudahan perkhidmatan perpustakaan awam.

**PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**TARIKH : DALAM TEMPOH DEWAN BERSIDANG**

**DARIPADA : YB TUAN TENG BOON SOON ( TEBRAU )**

**SOALAN : Y.B TUAN TENG BOON SOON** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme pemantau dan penguatkuasa yang telah disediakan untuk memastikan konsep atau dasar Satu Malaysia yang dikemukakan oleh YAB Perdana Menteri akan mencapai kejayaan dan akhirnya matlamatnya. Apakah tindakan diambil untuk menangani halangan khususnya di kalangan kakitangan kerajaan.

**JAWAPAN: ( YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)**

Gagasan "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" merupakan konsep yang baik, oleh itu, patut dan perlu diterapkan di dalam pelaksanaan semua dasar Kerajaan yang sedia ada. Ia meliputi dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial, kebudayaan, keselamatan, sistem pengangkutan awam, serta perhubungan antara kaum dan agama yang kesemuanya ini berpaksikan kepada semangat dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Negara. Bagi mengukur pencapaian setiap dasar program atau projek, kerajaan memperkenalkan kaedah Petunjuk Prestasi ( KPI ) yang bertujuan untuk mengukur sejauh manakah pencapaian, kejayaan serta kelemahan dalam pelaksanaan.

Setiap agensi pelaksana diminta menyediakan laporan pemantauan bagi setiap pencapaian sesuatu dasar secara berkala. Berasaskan laporan yang dikemukakan, ia memudahkan Kerajaan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan sesuatu dasar itu. Setakat ini, KPI merupakan kaedah yang terbukti paling berkesan bagi mengukur prestasi pencapaian dan pemantauan ke atas sesuatu dasar yang dilaksanakan.

Bagi memastikan konsep 1Malaysia dapat dilaksanakan dengan berkesan dan lancar, semua agensi kerajaan dan penjawat awam perlu memahami peranan, tugas dan tanggungjawab masing-masing supaya setiap dasar yang dilaksanakan selari dengan matalamat 1Malaysia. Jika terdapat mana-mana pihak, terutama pegawai kerajaan, yang kurang faham tentang kaedah ini atau yang menimbulkan halangan, ketua jabatan perlu memberikan garis panduan serta memberi tunjuk ajar atau menghantar mereka untuk menjalani latihan atau kursus yang bersesuaian. Kalau selepas ditegur dan ditunjuk-ajar berkali-kali, penjawat awam yang berkenaan masih tidak mengubah sikap atau mengatasi kelemahan yang tertentu, maka, amaran akan diberi dan selanjutnya tindakan diambil.

SOALAN NO : 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]

SOALAN :

TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengapa Kementerian enggan menerima permintaan rakyat untuk menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang menjadi 6 lorong memandangkan kesesakan trafik yang berlaku hampir setiap hari di lebuhraya ini bukan sahaja menyulitkan rakyat bahkan merugikan ekonomi negara.

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya peka dan prihatin terhadap masalah kesesakan trafik yang dihadapi oleh pengguna Jalan Johor Bahru – Pasir Gudang (FT017) terutama sekali pada waktu puncak. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan kepada Kerajaan supaya jalan tersebut dinaikkan taraf dari empat (4) lorong ke enam (6) lorong di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Dalam masa terdekat, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan masalah kesesakan tersebut dengan melaksanakan projek-projek seperti berikut:

- (i) Menaiktaraf Persimpangan Bertingkat Perling;
- (ii) Menaiktaraf Persimpangan Bertingkat Jalan Johor Bahru-Kota Tinggi / Pasir Gudang; dan
- (iii) Pembinaan Lebuh raya Senai – Desaru (Fasa 1).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membina Lebuh raya Senai - Desaru (Fasa 1) daripada Senai – Cahaya Baru – Pasir Gudang sebagai jalan alternatif kepada Jalan Johor Bahru –

Pasir Gudang (FT017). Lebuhraya ini adalah sepanjang 50 kilometer dan telah beroperasi sepenuhnya pada bulan Oktober 2009.

Pembinaan lebuhraya ini serta penaiktarafan Persimpangan Bertingkat Perling dan Persimpangan Bertingkat Jalan Johor Bahru – Kota Tinggi / Pasir Gudang telah membantu menyuraikan kesesakan trafik di Jalan Johor Bahru – Pasir Gudang (FT017). Projek Persimpangan Bertingkat Perling telah siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2008 dan Projek Persimpangan Bertingkat Jalan Johor Bahru – Kota Tinggi / Pasir Gudang telah siap sepenuhnya pada Julai 2007.

Selain daripada itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan projek pembinaan Jalan dan Jambatan Kedua Permas Jaya serta Lebuhraya Senai – Desaru (Fasa 2) daripada Cahaya Baru – Penawar. Adalah dijangkakan dengan siapnya projek pembinaan ini kelak, maka kesesakan lalu lintas di Jalan Johor Bahru – Pasir Gudang (FT017) dapat dikurangkan.

**PERTANYAAN** : BERTULIS

**DARIPADA** : Y.B. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]

**SOALAN** : Y.B. Tuan Teng Boon Soon minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu *Parliamentary Select Committee* bagi menjayakan implementasi konsep Satu Malaysia dengan tujuan membudayakan nilai dan sikap Satu Malaysia di dalam pentadbiran jabatan Kerajaan dan pentadbiran parti politik.

JAWAPAN (YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Jawatankuasa Pilihan adalah berdasarkan kepada keperluan dan kehendak semasa. Ini boleh memberikan lebih ruang kepada Ahli-ahli untuk membincangkan dengan lebih teliti isu-isu yang dirujuk kepada jawatankuasa berkaitan. Namun begitu, sebarang keputusan berkenaan penubuhan jawatankuasa yang sedemikian memerlukan perancangan yang teliti supaya ia dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

NO: 95

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' DR ABDULLAH BIN  
MD ZIN (BESUT)**

**TARIKH :**

**SOALAN : 95**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW)** menyatakan sejauh manakah kejayaan masyarakat yang tidak mempunyai tempat tinggal melalui Program Rumah Mesra Rakyat dan PPRT.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian telah dan akan terus membela nasib golongan miskin dan miskin tegar di kawasan luar bandar. Di antara tindakan yang telah diambil termasuk menyediakan bantuan perumahan di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) yang dahulunya dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Dalam tempoh RMKe-9, sejumlah 17,310 unit rumah telah dibina di bawah PBR dan dianggarkan telah memberi manfaat kepada seramai 86,550 isi rumah.

Pelaksanaan PBR telah mampu menyediakan rumah yang berkualiti, selamat dan selesa kepada golongan miskin tegar. Melalui pemantauan yang dibuat dari semasa ke semasa mendapati penerima bantuan yang dahulunya daif dan kurang mempunyai keyakinan diri telah berubah dan kini lebih berdikari.

Program bantuan ini telah dapat memberi keselesaan kepada mereka dan mendorong mereka menjalankan aktiviti ekonomi. Mereka juga telah diberi peluang mengikuti latihan kemahiran yang disediakan. Program ini telah menghasilkan kejayaan yang memberangsangkan di mana sebahagian besar daripada mereka yang terlibat telah berjaya keluar dari belunggu kemiskinan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan PBR bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah berdasarkan kepada sasaran yang telah ditetapkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Sepanjang tempoh tersebut, Kementerian akan membina dan membaik pulih sebanyak 50,000 unit rumah lagi di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Program Rumah Mesra Rakyat pula adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN  
SOALAN : NO.97

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi membantu para pelajar di IPT sama ada di dalam atau di luar negara supaya mendapat maklumat yang sahih mengenai perkembangan semasa yang berlaku di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar di dalam negara dan luar negara sentiasa didampingi oleh pihak kementerian bagi menyalurkan maklumat yang sahih dan terkini. Hubungan ini dieratkan melalui program-program seperti kursus dan perjumpaan dengan semua pemimpin pelajar serta program kesukanan, kebudayaan, kenegaraan, penerapan patriotisme, kepimpinan dan jati diri.

Di samping itu, Kementerian turut menganjurkan Majlis Perundingan Pelajar-Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang disertai oleh semua wakil pelajar dan pimpinan tinggi kerajaan. Program ini memberi peluang kepada pelajar berdialog tentang isu semasa di dalam dan luar negara serta menjadi platform untuk kerajaan menyalurkan maklumat yang sahih kepada pelajar.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN :** Bertulis

**DARIPADA :** Dato' Dr. Abdullah B. Md. Zain

[ Besut ]

**SOALAN :** Dato' Dr. Abdullah B. Md. Zain [ Besut ]

minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai melalui Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998-2010), khususnya dalam memajukan sektor pertanian sama ada untuk tujuan komersial atau pun untuk memenuhi keperluan sehari-hari memandangkan dasar ini amat penting dalam menjana ekonomi masyarakat dan negara

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) telah digubal bagi tempoh 1998-2010 dengan objektif utama untuk memaksimumkan pengeluaran dan pendapatan para petani melalui penggunaan sumber secara optimum. Dasar ini berjaya mentransformasikan sektor pertanian ke arah sektor yang lebih dinamik dan berdaya saing untuk terus memberi sumbangan kepada ekonomi negara serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru terutama dalam bidang pemprosesan makanan dan industri asas tani.

Dalam tempoh DPN3, sektor pertanian yang terdiri daripada sektor agro makanan dan sektor bukan agro makanan telah menyumbang sebanyak 7.7% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu meningkat 3.0% kepada RM39.9 bilion pada tahun 2009 berbanding RM30.6 bilion pada tahun 2000. Daripada jumlah tersebut, sektor agro makanan telah menyumbang nilai ditambah sebanyak 3.4% iaitu meningkat kepada RM17.6 bilion berbanding RM12.0 bilion bagi tahun 2000. Manakala, sektor

bukan agro makanan yang merangkumi komoditi-komoditi komersil seperti kelapa sawit , getah, koko dan perhutanan pula menyumbang nilai ditambah sebanyak 4.3% iaitu meningkat RM18.6 biiion pada tahun 2000 kepada RM22.3 bilion pada tahun 2009.

Bagi sektor agro makanan, pengeluaran telah meningkat daripada 5.3 juta metrik tan (2000) kepada 7.2 juta metrik tan (2009) iaitu kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 3.5%. Prestasi mengikut subsektor agro makanan adalah seperti berikut:

- i. Pengeluaran sub sektor **tanaman** yang merangkumi padi, sayur-sayuran dan buah-buahan meningkat daripada 2.9 juta metrik tan (2000) kepada 3.9 juta metrik tan (2009) dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 3.2%;
- ii. Pengeluaran subsektor **ternakan** meningkat daripada 1.3 juta metrik tan (2000) kepada 2.0 juta metrik tan (2009) dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 5.2%; dan

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN  
SAID ( PENGERANG )

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 – 15.04.2010

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said ( Pengerang ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengenai kewajaran Bank Negara memendekkan tempoh hutang tak berbayar bagi semua jenis pinjaman kredit kerana keputusan ini dilihat tidak wajar sekiranya faktor ekonomi ketika ini diambil kira. Keputusan ini sedikit sebanyak bakal mengakibatkan usaha Kerajaan dalam menangani gejala ah long menjadi sia-sia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, institusi perbankan di Malaysia secara umumnya telah lama mengamalkan pengklasifikasian hutang atau pembiayaan yang tidak berbayar dalam tempoh tiga bulan dari

tarikh ingkar. Amalan ini bukan sahaja sejajar dengan amalan institusi perbankan antarabangsa tetapi ianya telah terbukti berjaya memperkukuhkan kedudukan bank-bank tempatan tempatan semasa krisis kewangan yang lalu. Mulai bulan Januari 2010, institusi perbankan telah mengambil pendekatan melaporkan pinjaman berdasarkan kepada *Financial Reporting Standards* (FRS) 139, yang merupakan standard perakaunan antarabangsa.

2. Amalan mengklasifikasikan tempoh pinjaman tidak berbayar sama ada tiga atau enam bulan tidak membezakan cara bank mengendalikan isu pinjaman tidak berbayar. Apabila peminjam gagal membuat pembayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan, proses bagi memperbetulkan keadaan supaya pembayaran menjadi teratur akan bermula. Ini termasuklah proses menghubungi pelanggan bagi mengadakan perbincangan untuk menstruktur atau menjadual semula tempoh pembayaran balik pinjaman.

3. Walau bagaimanapun, institusi perbankan harus lebih fleksibel dalam menstruktur dan menjadual semula kemudahan pembiayaan sekaligus dapat membantu syarikat yang mengalami masalah aliran tunai dalam situasi ekonomi yang mencabar. Apabila kemudahan pembiayaan telah distruktur atau dijadualkan semula, ia boleh diklasifikasikan sebagai pembiayaan berbayar, di mana syarikat tersebut boleh mengemukakan permohonan untuk pembiayaan tambahan. Syarikat-syarikat juga boleh mendekati institusi perbankan untuk menstruktur dan menjadualkan semula sebelum pembiayaan

tersebut menjadi tidak berbayar jika menjangkakan akan berhadapan dengan masalah aliran tunai.

4. Kementerian Kewangan juga mengambil maklum bahawa institusi perbankan menjalankan penstrukturan dan penjadualan semula kemudahan pembiayaan secara proaktif kepada pengusaha kecil dan sederhana (SME), di mana jumlah penstrukturan dan penjadualan semula pada tahun 2009 adalah sebanyak 4,646 kes berbanding dengan 3,235 kes bagi tahun 2008 dan 1,537 kes bagi tahun 2007.

5. Peminjam yang menghadapi masalah dalam mendapatkan respons dari institusi perbankan bagi permohonan menstruktur dan menjadualkan semula pinjaman boleh mendapatkan bantuan daripada Skim Penyelesaian Hutang Kecil (SDRS) yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia. Selain itu, peminjam yang menghadapi sebarang masalah berkaitan institusi perbankan dan pembiayaan boleh menghubungi :

BNMLINK, Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

BNMTELELINK

Tel : 1-300-88-5465

Fax : 03-2174 1515

Email : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

Nu: 99

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**SOALAN : NO.100**

**Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan cadangan agar Kerajaan dapat memperluaskan skop kelonggaran pembayaran balik pinjaman PTPTN kepada pelajar yang mendapat ijazah kelas kedua ke atas dan kedua ke bawah. Sebagai contoh, mungkin pihak Kerajaan dapat memberi kelonggaran pembayaran balik hutang PTPTN tanpa faedah bagi pelajar yang memperoleh ijazah kelas kedua ke bawah. Dan bagi yang mendapat ijazah kelas kedua ke atas pula mungkin wajar diwajibkan membayar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa sesi pembentangan Bajet 2010, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kemudahan pinjaman boleh ubah akan dilaksanakan semula mulai tahun 2010 bagi semua peminjam PTPTN yang mendapat ijazah sarjana muda kelas pertama dan setaraf.

Pada masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk memanjangkan kemudahan pinjaman boleh ubah kepada pelajar yang mendapat ijazah kelas kedua atau kelas kedua atas. Untuk itu, para pelajar perlulah merebut peluang keemasan yang telah diberikan tersebut dengan berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai kecemerlangan akademik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
TAHUN 2010

---

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
TARIKH :  
SOALAN : 100

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan mengenai peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam membangunkan modal insan masyarakat Orang Asli di dalam negara ini dan adakah bantuan pelajaran yang lebih menyeluruh akan disediakan yang meliputi bantuan melanjutkan pelajaran ke IPTS

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) berperanan untuk membangunkan modal insan masyarakat Orang Asli. Fokus akan diberi kepada galakkan dan usaha membina serta membangunkan modal insan yang bersifat holistik, lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai moral dan etika

yang teguh. Hala tuju ini diusahakan dengan merangka dan mengatur beberapa program seperti :-

BIL	AKTIVITI MODAL INSAL	TEMPOH	BIL PESERTA
1	Kursus Pembangunan Minda a) Ketua Isi Rumah b) Wanita c) Belia & Beliawanis d) JKKK	5 hari setiap kursus	7,240
2	Kursus Mekanik a) Teknologi Automotif kenderaan kormersial b) Mekanik Motorsikal c) Mengetuk dan Mengecat	3 bulan – 6 bulan	6000
3.	Kursus Pembuat Pakaian wanita Tahap 1	8 bulan	250
4.	Kursus Asas Komputer	4 hari	112

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) merupakan satu program yang bertujuan menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus latihan jangka pendek, sederhana dan panjang. Meningkatkan kemahiran supaya mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan perkhidmatan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi dan seterusnya mengeluarkan mereka serta keluarga dari belunggu kemiskinan. Peserta adalah dari Ketua Isi Rumah(KIR), Ahli Isi Rumah (AIR) dan Ibu Tunggal

asrama. Di samping itu sebanyak RM 4.7 juta wang saku telah diperuntukan bagi pelajar sekolah menengah yang hadir ke sekolah. Wang saku tersebut dibayar kepada pelajar RM 2.00 sehari sepanjang 220 hari persekolahan mengikut kehadiran pelajar. Tidak ketinggalan sebanyak RM1 juta untuk biasisiwa kepada pelajar Orang Asli di peringkat IPTA di dalam negara.

Syarat-syarat bagi Skim Bantuan Galakkan Pendidikan Orang Asli di peringkat Institut Pengajian Tinggi, hanya pelajar Orang Asli yang menuntut di Insitusi Pengajian Tinggi Awam dalam negara sahaja yang layak di pertimbangkan.

Bagi bantuan melanjutkan pelajaran ke IPTS, Jabatan tidak bercadang untuk memberi bantuan tersebut kerana selain yuran pengajian yang terlalu tinggi, kebanyakan IPTS lebih menumpukan keuntungan berbanding memberi pendidikan yang berkualiti kepada pelajar-pelajar Orang Asli. Jabatan juga bimbang IPTS akan mengambil kesempatan diatas bantuan biasisiwa yang disediakan dengan hanya mementingkan kuantiti pelajar yang masuk berbanding kualiti pencapaian pelajar Orang Asli.

Perkara ini juga dibincangkan dalam Mesyuarat "*Focus Group*" Pendidikan Orang Asli yang di Pengerusikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr.Juli Edo juga Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA), dimana Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga bersetuju agar jabatan tidak bercadang untuk memberi bantuan kewangan kepada pelajar Orang Asli di IPTS demi memastikan pelajar Orang Asli mendapat pendidikan yang berkualiti. Memandangkan kerjasama antara jabatan dan KPT untuk memberi kemasukan khas pelajar Orang Asli ke IPTA telah pun dilaksanakan dengan baik, isu mengenai kesukaran pelajar Orang Asli ditawarkan ke Institut Pengajian Tinggi Awam tidak timbul.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONF LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : DATUK AZALINA BINTI DATO'  
OTHMAN SAID  
[ Pengerang ]  
SOALAN :**

**DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]**  
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan agar pembinaan hospital ditambah terutama di kawasan-kawasan yang mempunyai peratusan populasi yang tinggi.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan yang terbaik bagi rakyat di negara ini. Selaras dengan itu, beberapa pendekatan telah dilaksanakan termasuk mewujudkan lebih banyak klinik-klinik kesihatan di dalam komuniti, peningkatan serta penambahbaikan perkhidmatan di

hospital-hospital sedia ada di samping pembinaan hospital-hospital baru.

Pembinaan sesebuah hospital baru dirancang berdasarkan beberapa kriteria antaranya kepadatan penduduk, kemudahan hospital sediaada, kemudahan jalan raya serta pengangkutan, taraf kesihatan penduduk dan lain-lain. Tumpuan diberikan kepada kawasan yang mempunyai peratusan populasi yang tinggi seperti di bandar-bandar utama serta bandar-bandar besar seluruh negara di samping daerah serta kawasan yang terletak agak jauh dari bandar bagi memastikan keseluruhan rakyat negara ini mendapat akses kepada perkhidmatan perubatan yang disediakan.

Kementerian Kesihatan sedia maklum akan keperluan bagi menambah perkhidmatan hospital terutama di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi kemudahan serta kapasiti hospital sedia ada dengan melaksanakan kerja-kerja naik taraf seperti pembinaan wad serta klinik tambahan, pembinaan pusat rawatan harian serta menaik taraf perkhidmatan sokongan yang lain.

Pembinaan hospital tambahan di kawasan yang mempunyai populasi yang tinggi juga dipertimbangkan apabila hospital sediaada tidak lagi sesuai untuk ditingkatkan di naiktaraf bagi menampung keperluan peningkatan perkhidmatan. Selain itu, pembinaan hospital baru juga perlu diselaraskan dengan keupayaan menyediakan tenaga kerja

termasuk pakar-pakar terlatih, doktor dan tenaga kerja mahir yang lain serta peruntukan pembangunan yang di terima Kementerian ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN  
SAID (PENGERANG)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 – 15.04.2010

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said ( Pengerang ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengenai kaedah yang digunakan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pemberian subsidi minyak serta mencadangkan agar ia diperluaskan kepada barangan terkawal seperti gula, tepung, minyak dan sebagainya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jawatankuasa Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah menubuhkan Makmal Rasionalisasi Subsidi untuk mengkaji semula subsidi Kerajaan. Kajian ini merupakan satu pendekatan yang komprehensif meliputi antaranya subsidi barangan terkawal seperti gula, tepung, minyak dan lain-lain. Hasil kajian ini akan dimaklumkan oleh Kerajaan dalam sedikit masa lagi.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED  
[SEPANG]

**SOALAN :** 103

**Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah pelan induk negara bagi memastikan bahawa paras pengeluaran karbon dapat dikawal.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu perubahan iklim secara bersepadu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyediakan Dasar Perubahan Iklim Negara. Dasar ini digubal bagi mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai Kementerian dan agensi dalam mengambil tindakan menangani isu perubahan iklim.

Dasar Perubahan Iklim Negara akan dijadikan panduan dalam

mengintegrasikan isu perubahan iklim dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan dan proses membuat keputusan; menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara lestari dan pembangunan insan serta pemuliharaan alam sekitar.

Sebagai negara membangun, pembangunan ekonomi dan pembasmian kemiskinan merupakan antara agenda penting negara. Namun demikian, sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu di Copenhagen, Malaysia akan mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gas – GHG) berdasarkan Keluaran Dalam Kasar Negara (GHG emission intensity of GDP) sehingga 40% berbanding tahun 2005 menjelang tahun 2020. Ini adalah sebagai sumbangan negara di peringkat global dalam menangani isu perubahan iklim. Indikator pengurangan ini merupakan inisiatif sukarela negara dan bukan mandatori serta tertakluk kepada pemindahan teknologi dan sumbangan kewangan yang mencukupi dari negara maju serta peningkatan kapasiti.

Sebagai strategi permulaan untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan KDNK sehingga 40%, Kerajaan telah menyediakan *Road Map* yang meliputi tiga program utama iaitu, Kecekapan Penggunaan Tenaga (Energy Efficiency - EE), Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy - RE) dan Pengurusan Sisa Pepejal.

Bagi program EE, usaha-usaha kecekapan tenaga seperti penggunaan peralatan cekap tenaga, aspek reka bentuk bangunan dan penggunaan amalan pengeluaran bersih (cleaner production) yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga di sektor industri dan komersial akan dilaksanakan. Umpamanya seperti mana yang telah

diumumkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, kerajaan akan menghentikan pembuatan, pengimportan dan penjualan *lampu incandescent light bulbs* pada tahun 2014. Usaha-usaha ini dijangka dapat mengurangkan 9 juta tan CO<sub>2</sub>.

Adalah dijangkakan menjelang tahun 2020, lebih banyak tenaga akan dijana daripada sumber-sumber yang boleh diperbaharui (RE) seperti biojisim, biogas, mini hidro, tenaga suria dan bahan buangan. Ini dijangka dapat mengurangkan 11 juta tan CO<sub>2</sub>.

Bagi pengurusan sisa pepejal, polisi dan pelan pengurusan sedia ada telah menggariskan beberapa aktiviti yang boleh menyumbang kepada pengurangan pelepasan GHG seperti kitar semula dan penggunaan teknologi alternatif seperti kemudahan *material recovery facilities* dan Loji Rawatan Termal (*thermal treatment plant*). Pengurusan sisa pepejal secara holistik melalui penggunaan tapak pelupusan sanitari dapat membantu memperoleh kembali (*recovery*) metana yang terbebas untuk menjana tenaga. Ini dijangka dapat mengurangkan 25 juta tan CO<sub>2</sub>.

Bagi menangani perubahan iklim dalam jangka masa panjang, Kerajaan akan menyediakan satu *Road Map* yang komprehensif dan terperinci. Ini akan melibatkan sektor seperti pengangkutan, proses industri, pertanian dan perhutanan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B DATO' SRI IR. MOHD. ZIN BIN MOHAMED (SEPANG)

SOALAN : Y.B DATO' SRI IR. MOHD. ZIN BIN MOHAMED (SEPANG) minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengeratkan perhubungan dan perpaduan kaum. Apakah KPI yang ditetapkan bagi mengukur kejayaan perpaduan kaum.

JAWAPAN : (Y.B TAN SRI DR. KOH TSU KOON)

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian agama, budaya dan bahasa kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen agama dan perkauman yang berpotensi menjejaskan ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya ianya tidak diuruskan dan ditangani dengan baikny.

Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama 53 tahun kebelakangan ini, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul. Langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil adalah seperti yang dirumuskan berikut.

Pertama, sentiasa memegang teguh prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang. Asas kenegaraan ini dijadikan sebagai rujukan untuk penggubalan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial, pendidikan serta diguna sebagai rujukan untuk penyelesaian sengketa melalui perundingan dan musyawarah secara jujur, adil dan seimbang.

Kedua, memperkenalkan dan melancarkan kempen pembaharuan dari masa ke semasa untuk memberi fokus, sasaran dan dorongan kepada rakyat dalam proses pembinaan negara yang berterusan, seperti Wawasan 2020 pada tahun 1991 dan Gagasan 1Malaysia mulai tahun 2009. Gagasan 1Malaysia mengutamakan 'perpaduan dalam kepelbagaian' supaya rakyat bukan sahaja bertoleransi, tetapi menerima bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian etnik, agama dan budaya.

Ketiga, melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dan lapisan masyarakat dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna. Sekiranya terdapat kelemahan dan penyelewengan dalam pelaksanaan, maka, langkah-langkah hendak diambil untuk membetulkan dan menambahbaik aspek-aspek yang kurang tepat atau adil.

Keempat, menggubal, meminda dan melaksanakan secara adil undang-undang, segala peraturan dan garis panduan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang bersabit dengan aspek-aspek agama, seperti pembinaan dan pemindahan bangunan ibadat, perkahwinan campur, pertukaran agama, penggunaan istilah keagamaan yang tertentu dan sebagainya.

Kelima, menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial melalui program-program konkrit seperti Rukun Tetangga dalam kawasan-kawasan perumahan, Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara untuk remaja serta pelbagai program interaksi untuk belia dan wanita.

Keenam, mewujudkan saluran dan mekanisma di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama untuk berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat mewujudkan keharmonian serta menangani bersama secara berkesan isu-isu yang mungkin timbul .

Ketujuh, meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin masyarakat supaya mereka sanggup mententeramkan keadaan dan menyelesaikan sengketa yang timbul.

Kelapan, berusaha menyakinkan semua pemimpin politik dan masyarakat supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan etnik, agama dan budaya, serta bersedia untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjejaskan kesensitifan, ketenteraman dan keamanan, jikalau didapati perlu.

Kesembilan, sentiasa mengambil sikap yang positif dan membina, dengan penuh rendah hati serta mengamalkan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan antara agama dan etnik.

Beberapa petunjuk prestasi atau KPI telah dan sedang digunakan untuk mengukur tahap keharmonian di kalangan rakyat dalam masyarakat majmuk. Satu petunjuk antarabangsa ialah Indeks Keamanan Sedunia atau *Global Peace Index*, Malaysia menduduki tempat ke-26 pada tahun 2009, iaitu, telah meningkat dari tempat ke-38 pada tahun 2008. Secara perbandingan, pada tahun 2009, Sepanyol menduduki tempat ke-28, Perancis ke-30, Britain ke-25, Indonesia ke-67, Filipina ke-114 dan Thailand ke-118.

Di peringkat kebangsaan, satu indeks yang dikenali sebagai Societal Stress Index (SSI) atau Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) digunakan untuk mengukur tahap ketegangan masyarakat di peringkat suku tahunan dan negeri. IKM berdasarkan kepada kejadian-kejadian perselisihan antara kumpulan-kumpulan etnik atau agama yang dilaporkan kepada polis, tunjuk perasaan, rusuhan, keganasan dan ketegangan sosial yang berlaku kerana isu-isu kontroversi yang tertentu. IKM untuk tahun 2007, 2008 dan 2009 ialah 28, 28 dan 22 kes setiap sejuta orang penduduk masing-masing.

Selain daripada itu, beberapa petunjuk yang baru untuk memantau dan mengukur tahap perasaan keselesaan dan keharmonian sosial sedang dibangunkan oleh pakar-pakar penyelidik dari universiti-universiti tempatan yang disokong oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Sememangnya, memupuk persefahaman dan perpaduan merupakan tanggungjawab semua agensi kerajaan, semua pertubuhan politik, sosial dan agama, semua institusi sosio-budaya seperti keluarga dan sekolah, bahkan bagi tiap-tiap warganegara.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED  
[ SEPANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [ SEPANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah pelajar melayu yang mengikuti tingkatan 6 sains tulen bagi tahun 2000 hingga 2009. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi bilangan pelajar melayu yang semakin berkurangan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, sehingga Januari 2010 bilangan pelajar Melayu yang mengikuti Tingkatan 6 Sains Tulen adalah seramai 1,129 orang. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi mengatasi bilangan pelajar Melayu yang semakin berkurangan adalah dengan menekankan semula konsep 60 – 40 yang mana penekanan diberikan kepada pelajar-pelajar supaya memilih bidang Sains berbanding bidang-bidang lain seperti yang terkandung sebagai objektif utama dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dan Wawasan 2020.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED  
SOALAN : NO.107

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapakah jumlah kolej komuniti yang telah dibina dan apakah kursus yang ditawarkan. Sejauh manakah keberkesanan kursus yang ditawarkan dapat membantu belia-belia di komuniti setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2010, kementerian telah mewujudkan 53 buah kolej komuniti induk, di mana 42 buah telah beroperasi dan 11 buah lagi masih dalam pembinaan.

Di samping itu juga, terdapat sebanyak 22 buah kolej komuniti cawangan yang telah beroperasi di seluruh negara. Senarai kursus diploma dan sijil yang ditawarkan di kolej komuniti adalah seperti di Lampiran 1.

Sejak penubuhan kolej komuniti pada tahun 2001, ia telah memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara umumnya dan pembangunan modal insan khususnya dengan menyediakan laluan alternatif kepada pelajar yang tidak dapat melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi. Kolej Komuniti sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat juga memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan belia untuk mendapatkan latihan dan kemahiran secara beriterusan ke arah melahirkan masyarakat berpengetahuan (k-Communities).

Mulai tahun 2001 hingga Disember 2009, seramai 401,946 peserta telah mengikuti kursus-kursus pendek dalam pelbagai bidang yang ditawarkan di kolej komuniti. Pada tahun 2009, seramai 8,929 belia telah dilatih di kolej komuniti seluruh negara. Kajian pengesanan graduan tahun 2009 menunjukkan 46% lulusan kolej komuniti telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah tamat pengajian.

Di samping itu, kolej komuniti dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia juga telah merangka beberapa program di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Bandar yang akan dilaksanakan di kolej komuniti melibatkan 600 orang peserta termasuk golongan belia. Kolej Komuniti akan terus berusaha untuk menyumbang dalam memajukan sosio-ekonomi dan pemikiran masyarakat melalui pendidikan yang relevan dan bermanfaat.

#### Lampiran 1

### **KURSUS-KURSUS DIPLOMA YANG DITAWARKAN DI KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

<b>BIL</b>	<b>NAMA KURSUS</b>
1.	Diploma Automotif
2.	Diploma Teknologi Elektrik
3.	Diploma Teknologi Komputer
4.	Diploma Hotel dan Katering
5.	Diploma Fesyen dan Apanel
6.	Diploma Pengurusan dan Penyelenggaraan Fasiliti
7.	Diploma Teknologi Senibina
8.	Diploma Teknologi Pengiklanan
9.	Diploma Teknologi Pemprosesan Makanan
10.1	Diploma Perakaunan Perniagaan
11.1	Diploma Pelancongan dan Pengembaraan

KURSUS-KURSUS SIJIL YANG DITAWARKAN  
DI KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BIL	NAMA KURSUS
1.	Multimedia Kreatif (Animasi)
2.	Teknologi Pembuatan Bersepadu
3.	Automotif
4.	Pelukis Pelan Senibina
5.	Penyenggaraan Bangunan
6.	Teknologi Elektrik (Pemasangan dan Perkhidmatan)
7.	Sistem Komputer dan Sokongan
8.	Hotel dan Katering
9.	Fesyen dan Pakaian
10.	Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan
11.	Teknologi Pembinaan
12.	Teknologi Maklumat
13.	Perakaunan Perniagaan
14.	Multimedia Kreatif (Pengiklanan)
15.	Penyejukan dan Penyamanan Udara
16.	Pelancongan dan Pengembaraan
17.	Rekabentuk Dalaman
18.	Landskap dan Pengurusan Nurseri
19.	Kecantikan dan Dandanaran Rambut
20.	Bakeri dan Konfeksionari
21.	Industri Seramik
22.	Teknologi Pembuatan Perahot
23.	Agro Industri

NO. AUM : ~~108~~ 107

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : -**

**RUJUKAN : 2509**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga kini, berapakah kerakyatan yang telah diluluskan oleh Kementerian dan apakah syarat dan kriteria yang perlu dipatuhi oleh pemohon sebelum kelulusan diberi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan taraf kerakyatan yang telah diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri sejak merdeka sehingga kini ialah sebanyak 2,182 939. Syarat dan kriteria yang perlu dipatuhi oleh pemohon untuk diluluskan permohonannya selepas 16 September 1963 adalah seperti berikut :

- Pertama : Memenuhi syarat tempoh menetap yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan;
- Kedua : Berkelakuan baik dan melepasi Tapisan Keselamatan;
- Ketiga : Menguasai Bahasa Melayu dengan baik;
- Keempat : Berniat untuk menetap berterusan di negara ini; dan
- Kelima : Mempunyai tuntutan yang kuat dan berakar umbi di negara ini.

NO:108

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI**  
**ONG KA TING**  
**KAWASAN : KULAI**  
**NO. SOALAN : 108**

**Y.B. DATO' SERI ONG KA TING** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) dan tempatan (DI) diterima oleh negeri Johor secara keseluruhan dari tahun 2005 hingga Disember 2009, dan berapa jumlah dijangka akan diluluskan pada tahun 2010. Nyatakan berapa daripada jumlah tersebut adalah di kawasan Parlimen Kulai.

**Jawapan:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Bilangan projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan di negeri Johor** dari tahun 2005 hingga 2009 adalah sebanyak 967 projek dengan pelaburan bernilai RM40.9 bilion. Daripada

jumlah ini, pelaburan asing (FDI) bernilai RM30.0 bilion (73.4%) manakala pelaburan tempatan (DI) berjumlah RM10.9 bilion (26.6%).

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan bagi tempoh 2005 hingga 2009, sejumlah 55 projek dengan pelaburan bernilai RM823.5 juta ditempatkan di Kulai. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan di Kulai, sejumlah RM343.2 juta (41.7%) adalah FDI manakala sebanyak RM480.3 juta (58.3%) adalah DI.

Pelaburan yang diluluskan di negeri Johor sepanjang tempoh 2005 hingga 2009 sebanyak RM40.9 bilion merupakan 17.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan secara keseluruhan bagi Malaysia bagi tempoh tersebut. Secara purata, jumlah pelaburan tahunan yang diluluskan di negeri Johor di dalam tempoh berkaitan adalah RM8.2 juta. Trend pelaburan di negeri Johor secara konsistennya mencatatkan jumlah pelaburan yang tinggi. Berdasarkan trend ini, diunjurkan bahawa pada tahun 2010, negeri Johor akan mengekalkan kedudukannya sebagai antara negeri teratas yang menerima pelaburan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING  
[ KULAI ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [ KULAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Pengetua mengikut pecahan kaum yang berkhidmat di semua sekolah menengah (SMK & SMJK). Adakah Kementerian masih memelihara tradisi SMJK dan Sekolah Menengah Mubaligh dalam soalan perlantikan Pengetua dengan berunding dengan LPS mengenai calonnya seperti yang pernah dijanjikan dahulu.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengisian jawatan Pengetua DG48 dan DG52 mengikut pecahan kaum sehingga 5 Mac 2010 adalah seperti berikut:

▪ Melayu	-	1647
▪ Cina	-	269
▪ India	-	27
▪ Lain-lain	-	129

Untuk makluman, jawatan Pengetua DG52 dan DG48 boleh diisi dalam kalangan calon-calon berikut:

- i) calon yang telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran untuk memangku ke gred DG48 dan DG52;
- ii) calon yang telah dinaikkan pangkat ke gred DG48 secara *Time-Based* (untuk mengisi jawatan Pengetua DG48 secara hakiki); dan
- iii) calon-calon yang telah berada di gred DG48 dan gred DG52.

Walaupun bagaimanapun, keutamaan mengisi jawatan Pengetua DG52 diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman memegang jawatan Pengetua DG48 dan Penolong Kanan/Ketua Bidang dan keutamaan mengisi jawatan Pengetua DG48 diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman memegang jawatan Penolong Kanan dan Ketua Bidang. Bagi pengisian jawatan Pengetua, calon-calon dicadangkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan dikemukakan untuk persetujuan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia sebagai Ketua Perkhidmatan. Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) boleh mengemukakan cadangan calon kepada pihak JPN jika difikirkan sesuai. Walaupun bagaimanapun, pemilihan calon sebagai Pengetua tertakluk kepada calon memenuhi syarat-syarat seperti yang telah dinyatakan.

Pengisian Pegawai mengikut kaum dan negeri adalah seperti berikut :

**PENGISIAN PENGETUA MENGIKUT KAUM DAN NEGERI**

Bil	Negeri	Kaum				Jumlah
		Melayu	Cina	India	Lain-Lain	
1	Perlis	23	1			24
2	Kedah	150	8	2		160
3	Pulau Pinang	92	30	2		124
4	Perak	172	36	4		212
5	Selangor	230	16	3		249
6	W. Persekutuan Kuala Lumpur	75	15	2		92
7	Negeri Sembilan	117	11	1		129
8	Melaka	55	9	1		65
9	Johor	208	24	4	1	237
10	Pahang	137	15	3		155
11	Terengganu	131	2			133
12	Kelantan	120	2	1		123

13	Sabah	53	48	1	94	<b>196</b>
14	Sarawak	68	51	3	33	<b>155</b>
15	W.P Labuan	7	1		1	<b>9</b>
16	W.P Putrajaya	9				<b>9</b>

SOALAN NO : 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING  
[KULAI]

SOALAN :

TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sama ada kontraktor tempatan dikawal selia selain didaftar oleh CIDB. Jika ya, apakah penalti sekiranya kontraktor didapati salah dalam kegagalan sesuatu struktur.

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut peraturan 15 (1)(f) dan (g) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kontraktor (Industri Pembinaan) 1995, perakuan pendaftaran kontraktor dikeluarkan beserta dengan syarat-syarat tertentu yang mana kontraktor dikehendaki mematuhi syarat-syarat pendaftaran. Sekiranya syarat-syarat tersebut gagal dipatuhi atau didapati cuai oleh mahkamah atau Lembaga Penyiasatan yang ditubuhkan, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap kontraktor tersebut sama ada digantung, ditarik balik atau dibatalkan pendaftaran mereka. Sehubungan dengan itu, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) boleh mengambil tindakan tatatertib mengikut peraturan tersebut di dalam keadaan di mana kontraktor didapati cuai oleh Lembaga Penyiasatan atau mahkamah dalam kes kegagalan sesuatu struktur.

Pada masa ini CIDB juga sedang meminda Akta 520 dan dicadangkan dimasukkan peruntukan tindakan yang boleh diambil berhubung dengan kegagalan kontraktor dalam menjaga keselamatan orang awam.

Selain daripada itu, di Malaysia, peruntukan sedia ada mengenai kegagalan struktur (peruntukan am bagi kegagalan/kemungkinan

bangunan) boleh dirujuk kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 yang terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (*Occupational Safety and Health Act - OSHA*) oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **Tan Sri Dato' Ong Ka Ting [Kulai]**  
**TARIKH** :  
**SOALAN** : **Tan Sri Dato' Ong Ka Ting [Kulai] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-**  
berapa jumlah petani sama ada formal atau tidak formal telah memperolehi bantuan daripada Kerajaan memandangkan kenaikan kos pertanian bagi tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan khususnya baja sejak 2008.

**JAWAPAN** : **Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Sehingga Mac 2010, jumlah pengusaha sayur-sayuran dan buah-buahan yang telah menerima bantuan pembayaran insentif dibawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang dimulakan pada tahun 2008 adalah seramai 47,274 orang bernilai RM142,359,979 juta. Kadar insentif yang diberi adalah RM81/tan bagi sayur-sayuran dan tanaman kontan serta RM78/tan bagi buah-buahan.

Program Insentif Pengeluaran Tanaman ini telah dapat meringankan bebanan pengusaha berikutan dengan kenaikan kos pengeluaran dan secara tidak langsung dapat menggalakkan peningkatan pengeluaran makanan negara. Pengeluaran pada tahun 2009 bagi buah-buahan dan sayur-sayuran didapati meningkat dengan pertumbuhan sebanyak 6.36% dan 5.79% iaitu pengeluaran sebanyak 1.4juta tan metrik kepada 1.7 juta tan metrik pada tahun 2009 bagi buah-buahan dan pengeluaran sebanyak 599 tan metrik pada tahun 2008 kepada 607 tan metrik pada tahun 2009 bagi sayur-sayuran.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING  
[ KULAI ]

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [ Kulai ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menyediakan satu pelan induk komprehensif dan pelan tindakan yang berkesan untuk menyelesaikan isu banjir kilat yang sering berlaku di bandar dan desa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam usaha menyediakan pelan induk yang komprehensif untuk menyelesaikan isu banjir kilat yang sering berlaku. Sehubungan dengan itu, Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (MSMA) bagi bandar-bandar di Malaysia.

Senarai Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam yang telah dan sedang dilaksanakan oleh JPS adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>KAJIAN PELAN INDUK</b>	<b>STATUS (%)</b>
1	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Ipoh, Perak	Siap
2	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Klang, Selangor	Siap
3	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Sg. Buloh, Selangor	Siap
4	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Parit Buntar & Bagan Serai, Perak	Siap
5	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Sg. Besi & Seri Kembangan, Kuala Lumpur.	90%
6	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Kuantan, Pahang	90%
7	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Pasir Mas, Kelantan	85%
8	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Tanah Merah, Kelantan	85%
9	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Kuching & Kota Samarahan, Sarawak	80%
10	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Dungun, Terengganu	80%
11	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Kangar, Arau & Padang Besar, Perlis	80%
12	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Pasir Gudang, Johor	50%
13	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Menggatal, Telipok & Tauran, Sabah	50%
14	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Tawau, Sabah	50%
15	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Raya Miri, Sarawak	10%
16	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Manjung, Sitiawan & Lumut, Perak.	10%

17	Kajian Pelan Induk Saliran Mosra Alam Bandar Kajang, Selangor	10%
----	---------------------------------------------------------------	-----

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Pelan Induk ini akan digunakan bagi menentukan punca-punca berlakunya banjir serta menentukan punca-punca pencemaran air di kawasan kajian. Kajian ini juga akan menganalisa cara yang optimum bagi mencegah kejadian banjir dan pencemaran air.

Daripada kajian yang dibuat, satu pelan tindakan akan direncanakan di mana kawasan yang telah dikenalpasti menghadapi isu banjir dan pencemaran akan dikenalpasti dan rekabentuk terperinci bagi menaiktaraf kawasan tersebut akan dilaksanakan.

Rekabentuk terperinci tersebut kemudiannya akan diterjemahkan kepada satu pembangunan fizikal di mana kawasan yang telah dikenalpasti itu akan dinaiktaraf.

Sekian, terima kasih.

## Soalan No: 113

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2010  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING)**

**TARIKH** :  
**SOALAN** :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan ke mana perginya peruntukan berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk masyarakat Orang Asli. Mengapakah masyarakat Orang Asli masih dilaporkan dalam keadaan serba kekurangan dari segi infrastruktur asas dan prasarana.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, menerusi peruntukan yang disalurkan kepada masyarakat Orang Asli Kerajaan telah meningkatkan usaha-usaha pembasmian kemiskinan dan kemiskinan tegar di kalangan mereka melalui pelbagai program pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Selain daripada peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9) sebanyak RM377.3 juta, Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan khas berjumlah RM20 juta di bawah program peningkatan kualiti hidup masyarakat Orang Asli bermula pada tahun 2008 merangkumi bantuan bakul makanan, bantuan wang saku pelajar, bantuan input pertanian dan tambahan tambang pengangkutan pelajar.

Usaha-usaha peningkatan taraf hidup masyarakat Orang Asli turut di perhebatkan lagi menerusi penyaluran peruntukan di bawah program Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) berjumlah RM91.7 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM66.5 juta diperuntukkan bagi Program Bantuan Rumah (PBR) yang telah memberi manfaat kepada 2,248 KIR. Sebanyak RM12.9 juta telah diperuntukkan bagi Projek Jalan Kampung (90.75 km) dan sebanyak RM12 juta (79 projek) telah diperuntukkan di bawah Projek Jalan Pertanian.

Menerusi peruntukan di dalam RMKe9 pelbagai projek/ program pembangunan telah dilaksanakan. Di antara program-program tersebut termasuk projek pembangunan tanah

dengan tanaman komersial seperti getah dan kelapa sawit, bantuan peralatan pertanian dan perikanan, ternakan, bimbingan usahawan dan lain-lain. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada pelaksanaan projek-projek kemudahan infrastruktur dan utiliti termasuk pembinaan rumah Ketua Masyarakat dan keluarga miskin tegar, jalan raya, jambatan, klinik desa, bekalan air, elektrik dan sebagainya.

Sehingga kini, sejumlah 166 buah ladang dengan keluasan 28,945.48 hektar telah berjaya dibangunkan dengan tanaman getah dan kelapa sawit iaitu 115 Luah ladang oleh RISDA dan 51 buah ladang lagi oleh FELCRA. Sejumlah 96 ladang telah berjaya mengeluarkan hasil dan memberi faedah kepada 6,656 peserta masyarakat Orang Asli. Selain berpeluang bekerja sebagai buruh ladang, mandur atau pengawal keselamatan ladang dengan pendapatan di antara RM400.00 sehingga RM600.00 sebulan, Orang Asli juga diberi peluang menjadi kontraktor atau subkontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pembangunan ladang, penyelenggaraan dan penuaian hasil.

Selain itu, kerajaan juga memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan menerusi penyediaan bantuan dan kemudahan pendidikan di peringkat prasekolah, sekolah rendah, menengah dan peringkat tertiar, kursus pembangunan minda serta latihan kemahiran yang sesuai dengan keperluan pasaran pekerjaan.

Program tersebut dilaksanakan dengan kerjasama kementerian/ agensi kerajaan seperti KEMAS, Kementerian Pelajaran Malaysia, GIAT MARA, Akademi Binaan Malaysia dan lain-lain. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan anak-anak Orang Asli yang berilmu, jati diri, mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diperlukan oleh sektor awam, swasta atau sebagai asas persediaan untuk menceburi bidang keusahawanan.

Pelaksanaan program-program pembangunan ini telah menampakkan hasil di mana berdasarkan data kemiskinan sehingga 31 Disember 2009 kadar kemiskinan tegar Orang Asli telah dapat dikurangkan kepada 4,307 KIR berbanding seramai 9,003 KIR pada awal RMKe9. Usaha-usaha melaksanakan pembangunan kepada masyarakat Orang Asli ini merupakan satu usaha yang berterusan dan memerlukan peruntukan yang besar. Namun begitu pelaksanaan tersebut dibuat secara berperingkat-peringkat dan mengikut keutamaan.

Soalan No : 114

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR TEKHEE @  
TIKI LAPE  
(MAS GADING)**

**TARIKH :**

**SOALAN : 114**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan dapat mempercepatkan pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas di luar bandar yang sehingga kini diimplementasikan dengan begitu lambat.

## JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sangat komited untuk meringkatkan dan mempercepatkan pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas negara. Sehubungan itu, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) diwujudkan dengan enam (6) teras utama. Salah satu daripada teras bidang tersebut adalah pembinaan Infrastruktur Asas Luar Bandar (*Rural Basic Infrastructure*).

Di bawah NKRA, Kementerian ini mensasarkan:

- Pembinaan 2,526 kilometer jalan luar bandar di seluruh Malaysia;
- Liputan Bekalan Elektrik Luar Bandar di Semenanjung Malaysia sebanyak 99.9% dan 95% di Sabah dan Sarawak;
- Liputan Bekalan Air Luar Bandar di Semenanjung Malaysia sebanyak 98% dan 90% di Sabah dan Sarawak; dan
- 50,000 buah rumah di bawah Program Bantuan Rumah.

Selaras dengan itu, Kerajaan telah menubuhkan *Performance Management And Delivery Unit* (PEMANDU) di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk memantau dan memastikan keberkesanan pelaksanaan projek-projek di bawah NKRA menjelang tahun 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN  
OSMAN  
SOALAN : NO.47

Dato' Dr. Mohamad Shahrums bin Osman [ Lipis ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bila Kementerian hendak mendirikan sebuah kolej komuniti sepenuhnya di kawasan Parlimen Lipis memandangkan tidak ada sebuah pun IPTA yang dapat menampung keperluan lepasan sekolah menengah di kawasan Parlimen ini dan kawasan sekitarnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, telah terdapat sebuah kolej komuniti cawangan di kawasan Parlimen Lipis. Justeru, Kementerian tidak bercadang untuk membina sebuah kolej komuniti induk di Lipis di bawah RMKe-10. Walau bagaimanapun, cadangan Y.B. Lipis akan diambil perhatian yang sewajarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD  
SHAHRUM BIN OSMAN**

**SOALAN : 117**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Bin Osman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bila Kementerian hendak membina landasan keretapi berkembar dari Gemas ke Tumpat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sektor pengangkutan awam termasuk rel merupakan agenda penting Kerajaan dan ia juga dikenalpasti sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Area* (NKRA).

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (*East Coast Economic Region Development Council* -

ECERDC) sedang melaksanakan satu kajian kemungkinan untuk mengadakan perkhidmatan rel ke Pantai Timur. Kajian tersebut dijangka siap pada hujung tahun ini.

Secara umumnya, ECERDC telah mengenalpasti laluan landasan keretapi iaitu dari Lembah Klang ke Bentong, Mentakab, Kuantan, Kemaman, Kuala Terengganu, Besut iaitu hampir kesemua bandar besar di Negeri Terengganu dan seterusnya ke Pasir Putih, Kota Bahru sehingga ke Tumpat. Pertimbangan seterusnya adalah tertakluk kepada rumusan dan syor kajian berkenaan kelak.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN  
[ LIPIS ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [ LIPIS ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bila Kementerian hendak mendirikan sebuah kolej matrikulasi di kawasan Parlimen Lipis memandangkan tidak ada sebuah pun kolej bertaraf demikian yang dapat menampung keperluan lepasan sekolah menengah di kawasan Parlimen ini dan kawasan sekitarnya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan pembinaan sesebuah Kolej Matrikulasi mengikut negeri. Walau bagaimanapun, di negeri Pahang sudah terdapat 2 buah Kolej Matrikulasi iaitu Kolej Matrikulasi Gambang, Kuantan dan Kolej Matrikulasi Teknikal di Jengka.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

AHLI PARLIMEN : Y.B. DATO' DR. MOHAMAD  
SHAHRUM BIN OSMAN  
(LIPIS)

TARIKH :

SOALAN : 118

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan mengapa RISDA Holding hendak diwujudkan dan sejauh mana manfaatnya kepada pekebun kecil.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Cadangan penubuhan RISDA Holdings adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil 12 Tahun 1993. Pekeliling ini menyarankan agar setiap Badan Berkanun yang mempunyai banyak syarikat subsidiari menubuhkan sebuah syarikat induk bagi memastikan kepentingan agensi terjamin. Tindakan ini akan memudahkan kawalan ke atas semua syarikat oleh setiap Badan Berkanun.

Di antara objektif penubuhan RISDA Holdings adalah seperti berikut:

**Pertama;** menyatukan aset dan sumber di bawah satu kumpulan supaya dapat

mengoptimalkan penggunaannya serta memaksimumkan pulangan ke atas pelaburan;

Kedua; memantapkan kawalan serta *corporate governance* ke atas semua pelaburan dan operasi perniagaan syarikat;

Ketiga; membolehkan setiap syarikat dalam Kumpulan memberikan penumpuan terhadap aktiviti perniagaan secara khusus, berdaya maju dan mempunyai nilai tambahan yang tinggi;

Keempat; meletakkan syarikat-syarikat milikan RISDA dalam posisi yang lebih baik dan berdaya saing dengan menawarkan perkhidmatan atau produk yang kompetitif dalam industrinya dengan menggunakan pasaran RISDA sebagai asas; dan

**Kelima;** mengoptimalkan penggunaan modal insan bagi meningkatkan kemahiran, mutu perkhidmatan dan peningkatan kerjaya yang lebih luas di kalangan anggota kumpulan syarikat RISDA.

Tuan Yang Dipertua,

Manakala manfaat penubuhan RISDA Holdings kepada pekebun kecil pula adalah seperti berikut:

**Pertama;** mewujudkan satu kumpulan syarikat yang kukuh berupaya menyokong peranan RISDA dalam meningkatkan kesejahteraan pekebun kecil sebagai kumpulan sasaran;

**Kedua;** mewujudkan kaedah penyertaan ekuiti oleh pekebun kecil dalam kumpulan

RISDA dan seterusnya menyumbang kepada kadar dividen yang tinggi; dan

Ketiga; mewujudkan semangat berkhidmat secara pasukan di kalangan anggota kumpulan syarikat RISDA untuk kepentingan RISDA dan pekebun kecil.

Nr: 119

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN**  
**SOALAN : NO.120**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrums bin Osman [ Lipis ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bila Kementerian hendak mendirikan sebuah IPTA atau IPTS di kawasan Parlimen Lipis memandangkan tidak ada sebuah pun IPTA/IPTS bertaraf demikian yang dapat menampung keperluan lepasan sekolah menengah di kawasan Parlimen ini dan kawasan sekitarnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujuhan tertentu terhadap pembangunan sosio ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja. Oleh yang demikian, kerajaan berpandangan bahawa jumlah IPTA yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara dan fokus Kementerian sekarang ialah untuk memperkasakan IPTA tempatan. Pada masa ini, terdapat 2 buah IPTA di negeri Pahang iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Gambang, Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Jengka serta 3 buah kampus kota UiTM di Bukit Sekilau, Kuantan, dan Raub serta 2 buah politeknik iaitu Politeknik Muadzam Shah (PMS) dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS).

Justeru, pada masa ini, kerajaan memutuskan tidak akan menambah bilangan IPTA sedia ada termasuk di kawasan Parlimen Lipis. Walau bagaimanapun, kementerian boleh mempertimbangkan penubuhan IPTS terutama yang menawarkan program kompetitif seperti perubatan, farmasi, pergigian dan kejuruteraan jika terdapat permohonan daripada pihak swasta.

KK/BP(1.10)294/6-73 S.J.B(TULIS)/(7)

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 – 15.04.2010

Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan senarai:

- (a) pembeli bon yang berkupon 5.75% penubuhan Dana 1MDB yang berjumlah RM5 bilion daripada Kerajaan; dan
- (b) 30 pemilik bon Dana 1MDB terkini yang terbesar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bon tersebut bukan bon terbitan Kerajaan Persekutuan. Ia adalah bon terbitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) melalui Nota Jangka Sederhana Islam (Islamic Medium Term Notes).

2. 1MDB telah melantik AmlInvestment Bank Berhad sebagai bank perunding dan pembiaya bon. Terbitan bon dibuat mengikut suasana pasaran semasa dan ia adalah urusan antara bank perunding dan pembeli-pembeli bon yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan tempatan dan antarabangsa. Pemilik bon berubah-ubah kerana ia bertukar tangan apabila diniagakan di pasaran sekunder.



